



قلمنتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 30

RABU 29 JULAI, 1987.

رابعو 2 ذوالحجه 1407

PERCUMA



Dlm. memberikan kerjasama kpd. kerajaan:

BELIA-BELIA MESTI BERSIKAP POSITIF — Titah

KUALA BELAIT. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengingatkan supaya belia-belia di Daerah Belait berusaha meningkatkan kesedaran tanggungjawab mereka kepada negara.

"Belia-belia mestilah sentiasa bersikap positif di dalam memberikan kerjasama kepada kerajaan dan seharusnya mempunyai ketahanan diri daripada dipengaruhi oleh gejala-gejala yang tidak diingini," titah Baginda.

Titah Baginda telah dibacakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Timbalan Sultan di Istiadat Mengadap di Dewan Kemasyarakatan di sini pada hari Sabtu, 25 Julai yang lalu sempena perayaan ulangtahun Hari Keputeraan Baginda ke-41 tahun di daerah tersebut.

Dalam titah tersebut juga Baginda berharap supaya rakyat dan penduduk daerah berkenaan akan sentiasa memberikan kerjasama kepada Kerajaan Baginda secara berterusan dalam menjaga keamanan dan ketenteraman negara.

Dalam istiadat yang sama bagi Daerah Tutong yang telah berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Pekan Tutong pada 23 Julai lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengingatkan pegawai-pegawai dan kakitangan daerah tersebut supaya akan terus mewujudkan suasana bekerja yang lebih sihat bagi menuju pentadbiran yang cekap, jujur lagi amanah.

Oleh:

Haji Mohamad bin Salim

Baginda bertitah, dalam usaha kerajaan untuk memajukan semua daerah di negara

Lihat muka 24

RUMAHTANGGA YANG TERATUR PUNCA KEHARMONIAN

KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika dijunjung untuk menyaksikan sebahagian dari bahan-bahan pameran yang berupa hasil gubahan bunga-bunga. Gambar menunjukkan Baginda mendengar taklimat dari Dayang Hajjah Zainab binti Haji Zainal Abidin, Pengerusi pameran tersebut. — Gambar oleh Harun Rashid.

Oleh: Zubaidah Haji Salat

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha penuh percaya dengan adanya Pameran Urusan Rumah-tangga ianya akan memberikan pelajaran

kepada anak-anak remaja khususnya wanita mengenai cara-cara mengurus rumahtangga.

Baginda bertitah pameran seumpama itu juga, akan dapat menarik lebih banyak minat kepada pengurusan rumahtangga yang bersih dan teratur di kalangan masyarakat kita, kerana suasana rumahtangga yang teratur dan sempurna, titah Baginda, adalah punca keharmonian dan kebahagiaan keluarga.

Untuk itu Baginda penuh berharap agar pameran serupa itu akan dapat dimanfaatkan oleh kaum wanita di negara ini dalam usaha mengerengkan dan memodenkan lagi masakan-masakan tradisi orang-orang Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bertitah demikian ketika merasmikan Pameran Urusan Rumahtangga yang berlangsung di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanah Bolkiah di sini, 24 Julai lepas.

Menurut Baginda, masakan-masakan tradisi orang-orang Brunei tidak kurang lazatnya dibandingkan dengan masakan-masakan

daripada negara-negara luar.

Pameran Urusan Rumah-tangga tahun ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-41 tahun, dan dikendalikan oleh Ahli-ahli Persatuan Pertiwi Brunei.

Utusan tahniah DPPW

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Dr. Ismat Abdel Meguid, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Arab Mesir sempena Hari Kebangsaan negara tersebut yang jatuh pada 23 Julai, 1987.

Dalam perutusan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berharap agar persahabatan antara Brunei Darussalam dan Republik Arab Mesir akan dapat ditingkatkan bagi faedah rakyat kedua-dua buah negara.

Ucapan tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Mohammad Husni Mubarak, Presiden Republik Arab Mesir bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Arab Mesir pada 23 Julai, 1987.

MANISNYA IMAN

"SETIAP kali seorang hamba mengucapkan La ilaha illallah dengan ikhlas, akan dibukakan baginya pintu-pintu langit hingga ia akan tembus ke 'Arsy, selama dosa-dosa besar di-jauhinya." — Hadis Nabi riwayat At-Tarmizi

PETIKAN TITAH

“Beta gembira mengetahui bahawa bilangan pegawai-pegawai dalam Kerajaan Beta yang terlatih di seberang laut adalah semakin bertambah, dan begitu juga bilangan penuntut-penuntut yang pergi keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran serta mendapatkan kelulusan tertinggi adalah semakin banyak.”

Dititahkan sempena Istiadat Mengadap dan mengurniakan Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kebesaran di Lapau pada 15 Ogos 1981 sempena Hari Keputeraan Baginda ke-35.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP TIAP HARI RABU

29 JULAI, 1987

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

HINDARKAN DARIPADA DIPENGARUHI OLEH PERGERAKAN PELAMPAU

NEGARA kita yang dirahmati kemakmuran ini memang dikenali sebagai negara yang aman, bahagia dan sejahtera. Kesejahteraan rakyat dan penduduk sentiasa diambil perhatian utama oleh kerajaan dalam usaha untuk menyuburkan lagi keharmonian hidup berbangsa dan bernegara.

Keharmonian yang kita nikmati selama ini berpunca daripada sikap kesederhanaan kita dalam setiap perkara kehidupan. Kita mengelakkan diri daripada dipengaruhi oleh pergerakan-pergerakan pelampau yang memang bertentangan dengan sikap kesederhanaan kita. Sikap kesederhanaan dalam semua perkara memang digalakkan oleh agama Islam.

Kesederhanaan dalam setiap tindakan dan amalan adalah akar kepada kerukunan dan kedamaian peribadi yang secara langsung turut memberi saham dalam mewujudkan suasana hidup bermasyarakat yang aman dan tenteram.

Kerukunan dan kedamaian bermasyarakat adalah tunjang kepada kerukunan dan keharmonian hidup berbangsa dan bernegara di samping menjadi kubu yang ampuh untuk kita tidak terikut-ikut dan dipengaruhi oleh pergerakan-pergerakan pelampau yang sudah pun melanda setengah-setengah negara tetapi telah dapat dibendung sebelum merebak.

Pergerakan-pergerakan pelampau yang ingin meracuni pemikiran rakyat ini menggunakan agama Islam semata-mata untuk memenuhi kepentingan-kepentingan mereka tanpa mengira kesucian agama Islam itu sendiri.

Kita cintakan ketenteraman dan keharmonian bermasyarakat. Kita inginkan kerukunan yang kita nikmati ini akan berkekalan sehingga kepada cucu-cicit dan generasi akan datang. Dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama khususnya para belia untuk sentiasa berwaspada daripada dipengaruhi oleh pergerakan-pergerakan pelampau atau dakyah musuh-musuh Islam. Kita hendaklah sentiasa peka terhadap ajaran-ajaran sesat yang bertujuan merosakkan akidah kita serta mencemarkan kesucian agama Islam.

Kita bernaung di bumi yang agama Islam sebagai agama rasmi yang berlandaskan kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Teras utama ke arah ini ialah dengan menguatkan semangat persaudaraan Islam di samping berusaha menjaga kesucian agama Islam dengan menguatkan lagi akidah serta patuh kepada prinsip-prinsip Islam dalam kehidupan seharian sejajar dengan ciri bangsa kita yang memang taat dan kuat beragama.

Untuk menjaga kedaulatan dan kesucian agama rasmi negara ini, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang yang tegas terhadap sesiapa saja yang cuba menyebarkan pergerakan-pergerakan pelampau. Golongan ini adalah penghalang keharmonian dan ketenteraman negara dan rakyat. Tentunya kita tidak bertolak ansur terhadap golongan ini.

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ALHAMDULILLAH, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas Junjangan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat Baginda, sahabat-sahabat dan para pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada hari yang mulia dan penuh berkebahjikan ini, iaitu di majlis pembukaan rasmi masjid baru di Kampung Sungai Kebun ini. Beta percaya, dengan terdinya masjid ini, ianya akan dapat memberikan kemudahan beribadat yang lebih sempurna serta membolehkan bagi mengadakan perkara-perkara berkebahjikan yang bercorak keagamaan di kalangan penduduk-penduduk di Kampung Sungai Kebun khususnya, dan juga penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya. Adalah Beta harapkan kemudahan yang diberikan ini akan dimanfaatkan dan digunakan dengan sepenuhnya oleh penduduk-penduduk di kawasan ini. Di samping itu, hendaklah para jemaah akan bertanggungjawab menjaga kesucian dan kesempurnaan masjid ini, iaitu baik dari segi kebersihan mahupun penggunaannya.

Kerajaan Beta sentiasa memberikan perhatian yang khusus ke atas perkembangan-perkembangan agama Islam di negara ini, terutama sekali dalam perkara penyebaran syiar Islam kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Dan adalah sentiasa dihasratkan oleh Kerajaan Beta untuk memberikan kemudahan-kemudahan beribadat kepada rakyat dan penduduk di negara ini yang beragama Islam sama ada di kawasan bandar mahupun pedalaman. Ini dapat dilihat dengan pembinaan banyak masjid-masjid dan surau-

Pengaruh ajaran-ajaran sesat

RAKYAT DAN PENDUDUK DIINGAT SENTIASA BERHATI-HATI



TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, SEMPENA MAJLIS PEMBUKAAN RASMI MASJID AL-MUHTADEE BILLAH, KAMPONG SUNGAI KEBUN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, PADA HARI JUMAAT, 17 JULAI, 1987

daripada dipengaruhi oleh dakyah musuh-musuh Islam dan ajaran-ajaran sesat, yang mana bertujuan untuk merosakkan akidah kita serta mencemarkan kesucian dan kebenaran agama Islam. Beta juga ingin menyarankan supaya rakyat yang beragama Islam di negara ini, terutama sekali di kalangan belia-belie, tidak akan terikut-ikut dan dipengaruhi oleh pergerakan-pergerakan pelampau seperti mana yang dihadapi oleh negara-negara jiran yang cuba untuk mempengaruhi pemikiran rakyat, khususnya para belia. Pelampau-pelampau ini menggunakan agama Islam semata-mata untuk memenuhi kepentingan-kepentingan mereka, dan bertujuan untuk meruntuhkan keharmonian sosial serta mengukir-kacirkan keamanan, kestabilan dan ketenteraman yang telah sedia wujud di negara ini. Hen-

daknyaan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini akan sentiasa mengikut lunas-lunas yang telah pun termaktub di dalam Perlembagaan Bertulis Negara Brunei Darussalam tahun 1959, iaitu lunas Islam negara ini adalah berlandaskan kepada lunas Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Dalam menjaga keamanan dan ketenteraman awam dan negara, Kerajaan Beta tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang yang tegas kepada mereka yang cuba untuk menyebarkan pergerakan-pergerakan pelampau di negara ini.

Beta juga ingin mengambil kesempatan pada hari yang mulia lagi penuh berkat ini, untuk menyeru rakyat dan penduduk negara ini, khususnya yang beragama Islam, supaya akan sentiasa bersatu-padu di bawah kesucian agama Islam serta menguatkan semangat persaudaraan Islam kita. Kita juga mestilah berusaha untuk menjaga kesucian agama Islam dengan menguatkan lagi akidah kita serta patuh kepada prinsip-prinsip Islam di dalam kehidupan seharian, sejajar dengan ciri-ciri orang Brunei yang taat dan kuat beragama. Dengan cara demikian, maka kita akan dapat membentuk satu suasana masyarakat yang harmoni dan bermuafakat, serta sama-sama bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan negara serta membentasi segala kegiatan-kegiatan anti-sosial yang terdapat di negara ini.

Buat mengakhiri ucapan Beta ini, dengan mengucapkan kalimat "Bismillahir Rahmanir Rahim," dan selawat serta salam kepada Junjangan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Beta dengan sukacita merasmikan "MASJID AL-MUHTADEE BILLAH," Kampung Sungai Kebun ini.



KEBAWAH DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung ziarah oleh sebahagian daripada penduduk kampung ketika Baginda berangkat merasmikan Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun.



RAMALAN CUACA
←-- minggu ini --→



DI PERMULAAN minggu ini cuaca dijangka baik pada amnya, cuma ribut petir berlaku di pedalaman pada lewat petang atau awal waktu malam.

Di akhir-akhir minggu nanti, cuaca dijangka redup di samping kejadian hujan atau ribut petir di kebanyakan kawasan.

Ramalan cuaca ini bermula dari 29 Julai hingga 4 Ogos, 1987.

WALLAHUAKLAM

PASTIKAN SETIAP RANCANGAN KEMAJUAN AKAN DINIKMATI

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas segala limpah rahmat-Nya jua yang mengizinkan kita hadir beramai-ramai di istiadat yang permai ini.

Dengan ikhlas, Beta ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat dan penduduk di daerah yang telah berpenat-lelah men-

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PUTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, DI DAERAH TEMBURONG, SEMPENA MENYAMBUK ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN BAGINDA YANG KE-41 PADA HARI ISNIN, 20 JULAI, 1987

yusun pelaksanaan berbagai acara sambutan perayaan ulangtahun Hari Keputeraan Beta di daerah ini. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan mengurniakan ganjaran yang setimpal kepada mereka.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Beta untuk memastikan setiap rancangan kemajuan negara akan dinikmati oleh seluruh rakyat dan penduduk di semua daerah. Dalam hubungan ini, Beta sukacita mengetahui berbagai projek pemba-

ngunan telah pun siap dan sedang rancang dilaksanakan di daerah ini. Hendaknyalah projek-projek tersebut akan dapat dimanfaatkan oleh penduduk dan rakyat di daerah ini.

Adalah Beta harapkan penduduk dan rakyat daerah ini akan sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir yang cuba mengancam keamanan, ketenteraman dan kestabilan yang sedang kita nikmati. Di samping itu, akan terus memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan Beta.



DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Timbalan Sultan berkenan menerima junjung ziarah dari para jemputan ketika berangkat di Daerah Belait.

BERI PERHATIAN TERHADAP KESELAMATAN JALAN RAYA

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PUTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, DI DAERAH TUTONG, SEMPENA MENYAMBUK ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN BAGINDA YANG KE-41 PADA HARI KHAMIS, 23 JULAI, 1987

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala yang telah mengizinkan kita berkumpul beramai-ramai di istiadat yang permai ini.

Dalam usaha Kerajaan Beta untuk memajukan semua daerah di negara ini, daerah ini telah pun menikmati projek kemajuan yang terbesar iaitu dengan terlaksananya pembinaan jalan raya sepanjang pantai yang menghubungkan Daerah Tutong dengan Pelabuhan Muara melalui Jerudong. Dalam hal ini, adalah perlu orang ramai khususnya penduduk di daerah ini memberikan perhatian terhadap keselamatan jalan raya dengan mengamalkan sikap tolak ansur dan mematuhi peraturan-peraturan keselamatan jalan raya.

Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang bertugas di daerah ini, Beta berharap mereka akan terus mewujudkan suasana bekerja yang lebih sihat bagi menuju ke arah pentadbiran yang cekap, jujur lagi amanah.

Akhirnya, kepada semua ahli-ahli jawatankuasa

perayaan, rakyat dan seluruh penduduk di daerah ini, Beta sukacita mencatatkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan mereka pada menyayakan upacara-upacara sambutan perayaan ulangtahun Hari Keputeraan Beta pada tahun ini. Semoga Allah Subhanahu Wataala akan menerima sumbangan itu sebagai amal kebajikan jua.

DBP adakan Seminar Bahasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka sempena Jubli Perak jabatan tersebut akan mengadakan Seminar Bahasa pada 29 September hingga 1 Oktober 1987 bertempat di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanul Bolkiah, Berakas.

Penyertaan adalah dihadkan seramai 200 orang yang terdiri daripada wakil jabatan-jabatan Kerajaan, guru-guru, ahli-ahli persatuan, pekerja-pekerja syarikat dan firma dan orang-orang perseorangan.

Borang penyertaan dan keterangan lanjut mengenai seminar tersebut boleh didapati daripada Setiausaha, Seminar Bahasa Jubli Perak DBP, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Borang penyertaan mestilah dikembalikan tidak lewat pada 31 Ogos, 1987.

Rakyat diseru beri kerjasama berterusan kepada kerajaan

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PUTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, DI DAERAH BELAIT, SEMPENA MENYAMBUK ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN BAGINDA YANG KE-41 PADA HARI SABTU, 25 JULAI, 1987

belia mestilah sentiasa bersikap positif di dalam memberikan kerjasama kepada Kerajaan dan seharusnya mempunyai ketahanan diri daripada dipengaruhi oleh gejala gejala yang tidak diingini.

Kepada rakyat dan penduduk di Daerah Belait, Beta berharap mereka akan sentiasa memberikan kerjasama kepada Kerajaan Beta yang berterusan di dalam menjaga suasana aman dan tenteram di negara ini.

Bagi mengakhiri ucapan Beta, Beta dengan ikhlas sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli-ahli jawatankuasa perayaan serta seluruh rakyat dan penduduk di daerah ini di atas usaha-usaha mereka ber-susah payah menyusun dan melaksanakan upacara-upacara sambutan ulangtahun perayaan Hari Keputeraan Beta bagi daerah ini. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan mengurniakan ganjaran yang setimpal kepada mereka semua.

KADI Daerah Tutong, Awang Haji Adam ketika membacakan doa selamat di Istiadat Mengadap bagi Daerah Tutong.

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, Beta mengucapkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas izin dan rahmat-Nya jua kita dapat hadir beramai-ramai sekali lagi di istiadat yang indah permai ini.

Di majlis yang berbahagia ini, Beta sukacita meng-ingatkan belia-belia di daerah ini supaya meningkatkan kesedaran tanggungjawab mereka kepada negara. Belia-

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-391

RIBA DAN INTERES

**Faedah yang diambil dari (Siri akhir)
menghutang dan menyimpan wang di bank:**



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abd. Aziz, Menteri Kerajaan.

Jualan dengan harga yang tinggi dengan berhutang:

ORANG yang menjual barang dengan cara berhutang dengan harga yang tinggi itu bukan riba. Adapun jika ia berkata: "Saya jual barang ini jika dengan berhutang sekian, dan jika tunai sekian, maka akad ini adalah akad fasid. Yang dinamakan dia dalam kitab Fiqh "dua jualan dalam satu jualan". Padanya ada Ghuruf atau majhul, mana satu harga yang diadakan atau dijual itu? Tetapi jikalau ia dijual kepada orang yang hendak berhutang dengan harga \$20.00 dan pembeli bersetuju dengan harga \$20.00 padahal harga biasa \$15.00 adalah harus dan sah kerana sudah tentu harganya dalam jualan itu iaitu \$20.00.

Hukum orang yang melibatkan diri dalam riba:

Saya telah petik dan bawa dari kitab Al-Mu'aamalat Masrafiyyatu Wahukmuhaa Fil-Islam akan sebahagian dari bencana dan hukum riba. Sekarang saya akan bawa sebahagian daripadanya berhubung dengan perkara ini. Riba itu suatu perkara yang busuk yang diharamkan dalam Islam dengan tiada syak lagi sama ada riba dari bank atau lainnya, sama ada riba itu sedikit atau banyak. Ini dia nas Quran dan hadis yang nyata terang pada hukum riba itu.

Dalam Al-Quran firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 275, di mana ayat ini telah menyatakan bahawa orang yang makan riba sama ada riba itu sedikit atau banyak dan ayat ini menegaskan akan haramnya riba itu, gemuknya atau kurusnya dengan tiada mengecualikan sesuatu pun.

Ayat yang di bawah ini telah menegaskan akan haram riba sama ada banyak atau sedikit, dengan terang-terang dan memotong segala

keraguan dan tembelang orang-orang yang hendak menghalalkan riba iaitu Surah Al-Baqarah ayat 278 hingga 279.

Dalam ayat ini Allah Taala menyeru akan orang-orang yang takwa di dalam hatinya supaya meninggalkan saki-baki riba dan perkataan "Maa" memberi erti termasuklah segala riba sekali-pun ia sedikit, sekalipun ringgit dari sejuta sebagaimana dapat difahamkan oleh orang-orang yang mengetahui bahasa Arab dan begitu juga diketahui oleh orang-orang yang tahu bahasa Arab akan firman Allah yang bererti: Tiada halal sesuatu pun yang lebih dari pokok hutang sekalipun sedikit. Allah menyudahkan ayat ini dengan memberi amaran yang keras ke atas sesiapa yang berdegil hendak makan riba iaitu Allah dan Rasul-Nya akan masyhurkan peperangan ke atasnya. Ini adalah bagi siapa yang degil hendak makan riba dan ia beriktikad riba itu halal. Maka apakah balasan orang-orang yang menghalalkan riba dan melawan hukum Allah? Sudah tentu dia akan binasa di dalam medan peperangan dengan Allah dan Rasul-Nya dan lebih-lebih kecewa dan lebih hina.

Ini dia hadis-hadis sahih yang memberi amaran akan akibat makan riba dan kemurkaan Allah padanya yang ertinya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah melaknat dan mengutuk

orang yang makan riba, dan orang yang memberi wakil pada riba, dan penulisnya dan dua saksinya. Katanya mereka itu semuanya sama kena kutuk dan laknat, erti laknat itu tiada dapat rahmat daripada Allah. Na'udzu billaahimhaa. Hadis menurut riwayat Al-Imam Muslim daripada Sahabat Jabir.

Menurut riwayat Al-Imam Al-Hakim dan katanya: Hadis ini sahih menurut syarat-syarat Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim daripada Sahabat Abdullah bin Mas'ud daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang ertinya: Riba itu mempunyai 73 pintu, sekecil pintunya ialah seperti seorang anak berkahwin dengan ibunya.

Menurut riwayat Al-Imam Ahmad, rawinya orang-orang Riya'us Sahih, daripada Sahabat Abdullah bin Han-zalah Radhiyallahu Anhum, berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ertinya: Satu dirham (wang perak) dari riba, yang dimakan oleh seseorang itu, padahal ia mengetahui wang dirham itu riba, adalah ia lebih dahsyat dari 36 kali berzina (yang menjahanamkan nasab dan membawa berbagai-bagai dosa dan kerosakan dalam keluarga dan masyarakat dan harta benda dan akhlak dan lain-lain).

Ini dia hadis-hadis dan lain-lain hadis yang men-

yatakan apa yang dinyatakan oleh Al-Quran pada meng-haramkan riba sama ada sedikit atau banyaknya. Istimewa pada hadis yang akhir itu menegaskan dengan tiada dapat disangkal dan tiada dapat ditolak perkataan orang yang mengharamkan riba itu dengan sebetul-betul haram, sama ada riba itu sedikit atau sedebu. Kita petik dari mudarat perkara riba yang panjang yang disebutkan dalam kitabnya Al-Mu'aamalatul Masrafiyyah Wahukmuhaa Fil-Islam.

Berkata At-Taabi'ei Qataadah bin Di'aamatas Sadusi, Al-Imam Al-Jalila Fittafsiir Walhadiis Min Ulamait Taabi'een yang meninggal tahun 117 Hijrah: Bahawa orang yang makan riba, dibangkitkan dia pada hari kiamat gila, gila itu menjadi tanda bagi ahli-ahli riba diketahui dengannya (gila) oleh orang ramai yang ada di Padang Mahsyar. Dari kitab Ar-Ribaa Walfaaidah.

Telah diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Imam Ibnu Majah dan Al-Baihaqi dan Al-Hakim daripada Sahabat Ibnu Umar Radhiyallahu Anhum berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang ertinya: Tiada nyata pada sesuatu kaum (atau kawasan atau tempat) makan riba melainkan terbit dan nyata pada mereka penyakit gila dan tiada nyata pada sesuatu

kaum itu zina dan kendak atau lacur melainkan nyata pada mereka mati dan tiada nyata pada sesuatu kaum itu mencuri dan mengurangkan sukatan dan timbangan melainkan Allah Taala tegah daripada mereka hujan yang menjadi sumber kemewahan. Dari kitab Ar-Ribaa Walfaaidah yang dipetik dari 60 buah kitab sebagaimana kata pengarangnya.

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam Az-Zawajir: Sebesar-besar perkara yang menegah dari berbuat dosa ialah takutkan Allah dan takutkan balasan Allah dan bala-Nya dan Allah telah memberi amaran pada balasan-Nya dan pada kemurkaan-Nya dan pada kejahatan bala dan azab Allah yang menimpa. Firman-Nya yang tafsirnya: Hendaklah mereka yang menyalahi dan melawan perintah Allah itu takut dan berjaga-jaga dari kena suka bala dan fitnah daripada Allah atau kena mereka akan sesuatu azab yang pedih dan sesuatu balasan yang dahsyat daripada Allah.

Perkara yang menyebabkan mereka menyeleweng:

Sebab mereka menyeleweng dan menyalahi ulama sipat dan khilaf dalam perkara Al-Imam Al-Mahdi dan riba dan seumpamanya kerana mereka memperkecil-kecilkan hadis dan ilmu hadis. Padahal hadis sumber kedua dalam Islam

selepas Quran Al-Karim, dan mereka memandang sepi dan tiada indahkan perkara-perkara imam ulama Islam dalam hukum-hukum agama seperti Marnatibul imaz ei libni hasmin dan Al-Ifsaahu libni Hubairah, padahal perkara-perkara imam asas ketiga selepas hadis dan Al-Quran dan mereka memandang serong akan Fiqh Islam, kata mereka Fiqh itu perbuatan ulama Fiqh. Padahal Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajar Fiqh kepada sahabat-sahabat dan Rasulullah mengimamkan sahabat-sahabat yang alim Fiqh kepada kabilah-kabilah pedalaman supaya mengajar mereka hukum-hukum Fiqh dari perkara Islam sebagaimana dalam hadis-hadis. Hal orang-orang yang menyeleweng itu boleh kita faham dari tulisan-tulisan mereka dan percakapan-percakapan mereka dalam akhbar dan lain-lain. Dari itu bangkit ulama Islam membantah dan mengingatkan kekhilafan mereka sama ada mereka sengaja atau tiada sengaja, sebagaimana kita telah sebutkan kitab-kitab dalam tulisan kita ini dari sumber lebih dari 60 buah kitab dan didapati hal mereka juga dari Al-Ifsaahu alaa akhaamit talaq li alaaamati Kauthari dan dari Al-Fikri Islamiyy wassilathuhu bilisti'maari gharbiyyi bid-doktor Muhammad al-bahut tabah ar-raabi' al-munaq-qahatu di Mesir.

WALLAHUAKLAM

SENI FOTOGRAFI BERKEHENDAKKAN WAKTU DAN DEDIKASI

Oleh Bolhassan HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekema Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menegaskan bahawa seni fotografi berkehendakkan waktu dan dedikasi yang khusus untuk mencapai ke tahapnya.

Menurut Yang Berhormat, bidang fotografi bukan sahaja merupakan suatu profesion malah ianya juga satu rekreasi yang diminati ramai di mana peminat-peminatnya adalah universal.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekema Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien menegaskan demikian ketika berucap



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekema Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika mencuba menggambar sesuatu objek. — Gambar oleh Harun Rashid.

merasmikan Peraduan dan Pameran Fotografi bertempat di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini pada 19 Julai yang lalu.

Yang Berhormat menambah kata, untuk menghasilkan pengambilan gambar yang baik, seseorang jurugambar setentunya mengambil kira tentang

sudut, keadaan cuaca, terang gelapnya kawasan sekeliling di samping memastikan bahawa subjek itu sendiri sudah dianggap memuaskan.

Lebih 300 orang telah menyertai peraduan tersebut yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu slaid berwarna, gambar berwarna dan hitam putih. Pengbakiman bagi

peraduan itu telah dilakukan pada 8 Julai lalu.

Peraduan tersebut dianjurkan oleh Persatuan Fotografi Negara Brunei Darussalam sempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-41 tahun.



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekema Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang peraduan. — Gambar oleh Harun Rashid.

Manusia tidak luput dari kesalahan BERTAUBATLAH SEBELUM TERLAMBAT

MARILAH kita bersama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Sekali seseorang itu dinamakan insan atau manusia maka sekali itulah mereka tidak luput dari berbuat kesalahan, hanya kesalahan yang dilakukan berbeza di antara satu sama lain, ada yang membuat kesalahan besar dan ada kesalahan kecil, dan ada yang secara sengaja melakukannya dan ada yang secara tidak sengaja. Oleh yang demikian setelah kita tahu yang kita sebagai manusia ini tidak luput dari melakukan kesalahan maka kita mestilah membersihkan diri kita dari kesalahan-kesalahan yang kita sedari dan tidak sedari dengan jalan bertaubat kepada Allah, kembali ke jalan yang benar-benar yang diredai oleh Allah dan dicintai-Nya.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Setiap anak Adam itu mempunyai kesalahan dan sebaik-baik yang mempunyai kesalahan ialah mereka yang mahu bertaubat." (Riwayat At-Tarmizi Waibnu Majah).

Agama Islam mengajarkan bahawa dosa-dosa dapat dihilangkan dengan dua jalan yang harus dikerjakan semuanya: Pertama: Dengan bertaubat kepada Allah iaitu dengan berusaha secara khusus untuk menghilangkan sesuatu dosa. Kedua: Dengan beribadat kepada Allah seperti sembahyang, puasa dan amal-amal yang baik. Sementara sembahyang adalah ibadat yang besar peranannya dalam menghapuskan dosa-dosa.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pernah mengumpamakan sembahyang itu sebagai sungai tempat orang mandi membersihkan segala macam kekotoran sebagaimana sabdanya yang bermaksud: "Jika di pintu rumah seseorang di antara kamu ada sebuah sungai, dimana tiap-tiap hari ia mandi 5 kali, masih adakah kotoran yang tinggal (yang melekat pada tubuhnya)?" Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam demikianlah perumpamaannya sembahyang lima waktu. Dengan sembahyang lima waktu itu Allah menghapuskan kesalahan.

Taubat memanglah diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

"Dan bertauballah kamu sekalian kepada Allah wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya."

Bagaimana taubat itu harus dilakukan?

Di dalam kitab Riyadus Salihin ada menerangkan bahawa taubat itu hendaklah dilakukan dengan mengerjakan rukun-rukun taubat yang terdiri dari:—

1. Berhenti dari maksiat.
2. Menyesal atas dosa-dosa yang telah dikerjakan.
3. Jika dosa kepada orang, hendaklah meminta maaf kepada orang yang bersangkutan.

Sesiapa pun yang hidup di dunia ini tidak boleh berputus asa untuk mendapatkan rahmat dari Allah sekalipun ia telah bergelimpang dalam berbagai rupa dan noda dan dosa. Allah berfirman dalam surah Az-Zumar ayat 53 yang bermaksud:

"(Hai hamba-hamba-Ku yang mengerjakan sesuatu yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, sesungguhnya Allah itu mengampuni dosa-dosa semuanya, sesungguhnya Dia (Allah) maha pengampun, maha penyayang."

Cuba kita lihat taubat seorang pembunuh yang membunuh 100 jiwa dalam hidupnya. Bagaimana maha pengampun dan maha pemurahnya Allah Subhanahu Wataala terhadap hamba-hamba-Nya.

Dikisahkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa pada zaman dahulu ada seorang laki-laki yang telah berdosa membunuh 99 orang banyaknya, tetapi rupanya ia sedarkan dosa-dosanya itu, ia ingin bertaubat, untuk itu ia datang menemui seorang pendita, ia menceritakan kepada pendita itu mengenai dosanya membunuh 99 jiwa, apakah ada jalan untuk ia bertaubat. Pendita itu memberikan jawapan yang kurang menyenangkan kepadanya dengan berkata tidak ada lagi jalan untuk bertaubat. Lelaki tersebut rungsing dengan jawapan itu lalu membunuh pendita itu, menyebabkan bilangan jiwa yang dibunuhnya menjadi 100 jiwa.

Setelah itu lelaki tersebut menjumpai seorang alim dengan menceritakan dosa-dosanya membunuh 100 jiwa. Apakah ada jalan untuknya bertaubat? Orang alim itu menjawab, ya, jalan taubat tetap ada. Siapakah yang dapat menghalangi seorang untuk bertaubat? Lalu orang alim itu menasihati lelaki tadi, supaya pergi dan menetap di sebuah dusun yang penduduknya taat dan rajin beribadat kepada Allah agar lelaki tadi dapat beribadat bersama mereka di dusun itu dan jangan kembali ke tempat yang jahat itu. Nasihat orang alim itu dipenuhi oleh lelaki tadi. Maka ia pun berjalan menuju dusun yang dimaksudkan. Tetapi rupanya panggilan Tuhan yang maha kuasa datang mendahuluinya, ia mati mendadak di tengah perjalanan sebelum sampai ketempat yang dituju. Kejadian ini menyebabkan timbul perdebatan kecil antara Malaikat Rahmat dan Malaikat Siksa. Adakah lelaki yang mati tadi dikira sebagai hamba yang baik atau hamba yang jahat?

Berkata Malaikat Rahmat: Ia (lelaki itu) telah berjalan untuk bertaubat kepada Allah dengan sepenuh hati (jadi mestinya

saya yang berhak mengurusnya) maka ia dikira orang-orang yang baik.

Di dalam keadaan itu didatangkan Malaikat sebagai hakim bagi menghakimkan pertelingkahan yang berlaku di antara Malaikat Rahmat dan Malaikat Siksa. Malaikat yang menjadi hakim berkata, ukur sajalah antara dua dusun yang ditinggalkannya dan yang ditujunya, ke dusun manakah lelaki itu hampir, dan gulungkanlah ia kepada penduduk dusun yang dikata itu.

Setelah diukur ternyata lelaki itu mati berhampiran dengan dusun yang ditujunya (dusun tempat orang-orang rajin beribadat). Berdasarkan hal ini lelaki tersebut diurus oleh Malaikat Rahmat, mati lelaki yang membunuh 100 jiwa itu dikira oleh Allah sebagai mati yang baik kerana niatnya bertaubat diterima oleh Allah.

Bertauballah sebelum terlambat, sebelum pintu taubat ditutup bagi manusia, kerana taubat seseorang dalam keadaan "Sakratul Maut" tidak lagi diterima, sebab salah satu syarat taubat ialah ketetapan hati untuk meninggalkan dosa, yang dilakukan dan tidak mengulangnya lagi sedangkan yang demikian itu tidak dapat dilakukan oleh mereka yang dalam Sakratul Maut.



Angin — hembusan rahmat dari Allah

KITA tidak dapat menafikan kegunaan dan kemanfaatan yang dibawa oleh tiupan atau hembusan angin, sama ada yang bertuip dengan cara semulajadi atau dengan cara kekuatan enjin yang dicipta oleh manusia, seperti tiupan angin yang keluar melalui aircondition atau kipas angin di mana kenikmatan dan kenyamanan akan dapat dirasakan serta dinikmati dari tiupan angin tersebut, teristimewa sekali apabila keadaan udara sedang bahang atau panas.

Kita juga tidak dapat menafikan bahawa tiupan angin itu terkadang boleh membawa malapetaka atau mudarat. Hal ini jelas dapat dilihat apabila ianya bertuip dengan kencang sehingga terjadi angin ribut seperti angin puting beliung dan sebagainya yang menyebabkan pohon-pohon kayu tumbang, atap-atap rumah terkopak, laut menjadi pasang, debu

Menuju Keredaan Allah

dan sampah-sarap berterbangan dan sebagainya. Jika angin seperti ini terjadi banyak orang merasa takut dan ngeri, sehingga banyak pula orang yang mengeluh, bahkan ada pula yang sempat mencaci-maki angin tersebut.

Dalam pandangan Islam, angin — sama ada yang bertuip lembut (biasa) atau yang bertuip kencang — adalah suatu hembusan rahmat yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wataala, yang mana ianya adakalanya

datang sebagai rahmat atau nikmat dan adakalanya datang sebagai bala dan siksa.

Ketika ianya bertuip sebagai rahmat, kita akan dapat merasakan kenikmatan dan kenyamanan yang terkandung di dalamnya. Ketika ianya datang sebagai bala atau siksa pula, akan dapat menakutkan dan memudaratkan kepada kita kerana pada saat-saat seperti ini selalu saja banyak terjadi kejadian-kejadian yang mengerikan yang dapat kita dengar atau kita lihat sendiri.

Walau bagaimanapun, kita sekali-kali ditegah oleh agama mencaci dan mencera angin. Agama kita hanya menyuruh supaya bermohon kepada Allah Subhanahu Wataala untuk mendapat kebaikan dan rahmat yang dibawa oleh angin tersebut, serta berlindung kepada-Nya daripada siksa dan kemudaratannya yang dibawa oleh angin.

Dalam hal ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dengan sanad yang sahih daripada Abu Hurairah r.a. yang bererti :

"Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Angin itu ialah daripada tiupan rahmat yang dikirim oleh Allah Taala, terkadang ianya datang sebagai rahmat dan terkadang pula datang sebagai siksa atau bala, oleh kerana itu apabila kamu melihat angin, janganlah cerca atau maki, mintalah kepada Allah kebaikan angin tersebut dan berlindunglah kepada Allah daripada kejahatan yang dibawanya."

Demikianlah yang dianjurkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam kepada kita apabila melihat angin, apatah lagi apabila angin itu bertuip dengan kuat dan kencang.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 29 Julai hingga ke hari Selasa 4 Ogos, 1987 adalah seperti di bawah ini :—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Julai												
29	12.29	3.49	3.50	6.36	6.37	7.50	7.51	5.02	4.48	5.03	6.16	6.17
30	12.29	3.48	3.49	6.36	6.37	7.49	7.50	5.02	4.48	5.03	6.16	6.17
31	12.29	3.48	3.49	6.36	6.37	7.49	7.50	5.03	4.49	5.04	6.16	6.17
Ogos												
1	12.29	3.48	3.49	6.36	6.37	7.49	7.50	5.03	4.49	5.04	6.16	6.17
2	12.29	3.47	3.48	6.36	6.37	7.49	7.50	5.03	4.49	5.04	6.16	6.17
3	12.29	3.47	3.48	6.36	6.37	7.48	7.49	5.03	4.49	5.04	6.16	6.17
4	12.29	3.47	3.48	6.35	6.36	7.48	7.49	5.03	4.49	5.04	6.16	6.17

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM di Belait

PEMANDANGAN di Istiadat Mengadap (gambar sebelah kiri) di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait di mana para pembesar negara yang duduk di bahagian hadapan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah Timbalan Sultan bersama-sama menadah tangan memohon doa di istiadat tersebut.

KEBERANGKATAN tiba (gambar bawah) Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Timbalan Sultan ke Istiadat Mengadap bagi memulakan perayaan sambutan Hari Keputeraan Baginda Sultan ke-41 tahun di Daerah Belait disambut dengan barisan penuntut-penuntut dengan kibaran bendera di sepanjang jalan menuju Dewan Kemasyarakatan.

Berbagai kemudahan telah dinikmati

Liputan oleh: Abd. Karim HAB

Gambar-gambar oleh: Pg. Haji Yaakub PMHH

KUALA BELAIT. — Rakyat dan penduduk Daerah Belait merasa gembira dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana menikmati pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang telah dan sedang disediakan.

Pegawai Daerah Belait,

Dato Paduka Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin selaku wakil pegawai-pegawai kerajaan, rakyat dan penduduk-penduduk Daerah Belait menyembahkan demikian ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Per-

maisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap sempena Hari Puja Usia Baginda ke-41 bagi daerah ini di Dewan Kemasyarakatan di sini pada hari Sabtu, 25 Julai lepas.

Menurut Pegawai Daerah Belait di antara projek-projek berkenaan termasuklah pembinaan beberapa bangunan kerajaan seperti Pusat Semaian Jabatan Perhutanan, Sungai Liang, dan Dewan Bahasa dan Pustaka di Seria, dua buah masjid dan sebuah sekolah menengah di Mumong.

"Di bidang pengajian teknikal, dua jenis kursus diperkenalkan iaitu kursus instrumentasi kejuruteraan dan kursus kejuruteraan perkapalan yang sangat diperlukan dalam menyumbangkan tenaga-tenaga terlatih di bidang-bidang berkaitan. Manakala atas titah perkenan Paduka Kekanda Duli Tuanku Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

jua, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah telah pun dinaikkan tarafnya menjadi Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah," sembah Dato Paduka Haji Puasa.

Di bidang perubatan pula satu unit rawatan intensif dibina untuk keperluan Rumah Sakit Suri Seri Begawan termasuk juga pembinaan rumah-rumah untuk pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan perubatan.

Sementara jalan Kuala Belait ke Sungai Tujoh di

peringkat pertama dan kedua telah selesai. Pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Belait telah selesai 46 peratus dan dijangka siap pada penghujung tahun 1988. Selain itu pembinaan jalan-jalan raya di luar bandar seperti jalan raya Sungai Mau/Merangking telah sampai ke peringkat ketiga yang dijangka siap akhir tahun ini. Pembinaan ampungan air di Badas juga sedang lancar dijalankan dan dijangka siap sebelum akhir tahun ini.

Kesemua projek berkenaan dan beberapa projek yang lain adalah membuktikan bahawa Paduka Kekanda Duli Tuanku Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda tidak kendur-kendur berusaha memeduli, mengelilingi dan berusaha menyediakan serta merancang berbagai jenis perkhidmatan, kemudahan dan seumpamanya untuk kepentingan bukan saja rakyat dan penduduk di Daerah Belait malah juga seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, sembah Pegawai Daerah Belait itu.

Dato Paduka Awang Haji Puasa mewakili pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di daerah ini menyembahkan menjunjung kasih dan menyambut baik limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan elauun khas sebanyak \$100.00 sebulan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Baginda dalam peringkat gaji mulai dari Division II ke bawah.

Mengakhiri sembah ucapan, Pegawai Daerah itu sekali lagi menyembahkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi dan pengorbanan untuk bekerjasama dengan sepenuhnya menjunjung apa jua titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Timbalan Sultan berangkat beredar meninggalkan Dewan sebaik-baik saja Istiadat Mengadap disempurnakan.



DI ATAS pentas khas di pintu masuk Dewan Kemasyarakatan, DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Timbalan Sultan (gambar atas kiri dan kanan) berkenan menerima tabik hormat Diraja dari barisan kehormatan yang terdiri dari anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.



Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM di Tutong

Sebuah lagi Sekolah Menengah Arab akan dibina

Gambar oleh Pg. Bahar PHO

Liputan oleh Zubaidah HS

PEKAN TUTONG. — Bagi kemajuan dalam bidang pendidikan keagamaan di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan membina sebuah lagi Sekolah Menengah Arab di Daerah Tutong.

Pegawai Daerah Tutong berkata, pembersihan tapak dan pailing bagi projek pembinaan tersebut, kini sedang berjalan lancar.

Adalah dihasratkan dengan adanya sekolah tersebut, jelasnya impian dan harapan penduduk dan rakyat Daerah Tutong akan terlaksana semata-mata untuk kemajuan pendidikan keagamaan.

Sementara itu, sebuah lagi sekolah menengah telah pun siap pembinaannya dan akan digunakan tidak berapa lama lagi oleh lebih kurang 700 orang penuntut. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Mukim Kiudang, Kampung Sungai Tampangan.

Hingga kini Daerah Tutong telah pun mempunyai tiga buah sekolah menengah. "Ini nampak kepada kita bahawa hasrat kerajaan untuk melihat penduduk-penduduk luar bandar mendapat kemudahan tempat belajar berdekatan dengan kampung-kampung berkenaan telah tercapai, dan ini bermakna Daerah Tutong juga tidak ketinggalan dengan daerah-daerah lain," jelas Pegawai Daerah menerangkan.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd. Aziz bin Mohammad menerangkan demikian di dalam ucapan sembah kesyukuran alu-aluannya, di Istiadat Menghadap sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-41 tahun yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Tutong pada 23 Julai lepas.


Dalam sembah kesyukuran itu, Pegawai Daerah Tutong juga telah menerangkan berbagai-bagai kemudahan awam yang telah dan sedang diungkayahkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di antaranya ialah pembuatan ampungan air bersih di Kampung Benutan, Ulu Tutong kini sedang berjalan dengan lancar, yang mana apabila siap nanti akan melambangkan Daerah Tutong sebagai daerah sumber air utama negara ini.

Penyaluran saluran najis daerah tersebut pada masa ini telah pun hampir siap. Dengan adanya saluran tersebut dapatlah memperbaiki lagi sistem kebersihan di pekan itu.

Pegawai Daerah Tutong seterusnya menerangkan, bahawa sebuah tembok penahan hakisan pantai telah pun siap pembinaannya di Kampung Pengkalan Pinang Penanjong. Tembok tersebut, menurutnya, adalah semata-mata untuk mengurangkan runtutan tebing dan hakisan di tempat itu, yang mana telah lama menjadi pengkalan bagi pelaut-pelaut di kawasan tersebut.

Selain kemudahan-kemudahan awam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga amat mengambil berat tentang kebajikan rakyat di daerah tersebut. Dalam hal ini, melalui



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sulri Bolkiah menerima tabik hormat ketika memeriksa perbarisan kehormatan di Daerah Tutong.


Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan bagi bantuan pencen tua seramai 1,348 orang dengan perbelanjaan \$134,750.00 sebulan.

Selain daripada itu, kerajaan juga menyediakan perbelanjaan sebanyak \$3,450.00 kepada seramai 39 orang yang tidak berdaya, dan \$15,000.00 sebulan bagi membantu bebanan keluarga-keluarga yang mengalami kesusahan iaitu seramai 104 orang.

Di Istiadat Menghadap sempena sambutan puja usia ke-41 Kebawah Duli Yang Maha Mulia, di daerah itu, Pegawai Daerah Tutong mewakili pegawai-pegawai kerajaan dan penduduk-penduduk Daerah Tutong telah menyebarkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan azam sentiasa meningkatkan daya usaha yang berterusan demi perkembangan dan kemajuan serta keamanan negara.



MENGHADIRI Istiadat Menghadap yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan pada hari tersebut termasuklah Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri Kabinet (gambar atas). Gambar bawah kiri memperlihatkan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria ketika menghadiri istiadat tersebut, manakala gambar bawah kanan ialah antara lain-lain jemputan khas yang sama-sama turut hadir.



Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM di Temburong

PEKAN BANGAR. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membiayai pembinaan 12 buah pintu bangunan kedai bumiputera dan sebuah bangunan untuk Syarikat Kerjasama di Daerah Temburong.

Ini adalah sebagai langkah utama ke arah melatih dan menggalakkan orang-orang tempatan dalam bidang usaha perniagaan.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Awang Damit berkata kedai tersebut telah pun menjalankan perniagaannya sejak bulan April 1987.

Selain daripada itu katanya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan mengumiikan perkenan bagi penggunaan sebidang tanah untuk mendirikan sebuah stesen minyak di daerah ini melalui proses penukaran syarat khas tanah.

Menyatakan demikian dalam sembah kesyukuran di Istiadat Mengadap yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan di sini pada pagi Isnin, 20 Julai lepas, Awang Othman menjelaskan berikutan dengan titah perkenan tersebut sebuah stesen yang moden telah siap dibina dan dimiliki oleh sebuah Syarikat Kerjasama dan memulakan perkhidmatannya pada penghujung bulan Julai tahun lepas.

Awang Othman berkata, selain tujuan utamanya untuk memberikan perkhidmatan penjualan minyak mengikut perancangan, juga akan dapat menjamin bekalan minyak petrol yang mencukupi bagi keperluan kenderaan-kenderaan yang kian bertambah bilangannya, termasuklah juga motor-motor sangkut yang menjadi kemudahan utama di daerah ini.

Berbanding dengan keramaian penduduk lebih kurang tujuh ribu orang di Daerah Temburong, Pegawai Daerah Temburong berkata

daerah ini mempunyai bilangan kenderaan yang kian meningkat.

Dikira dalam tahun 1984, sebanyak 800 buah kenderaan telah didaftarkan tetapi sekarang sudah mencapai angka kepada lebih kurang 2,500 buah.

"Hamba Duli Tuanku juga menjunjung sabda untuk menyembahkan bahawa dengan izin Allah serta berkat daulat pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

rakyat dan penduduk di daerah ini terus-menerus menikmati kemudahan-kemudahan di segi perhubungan dan pengangkutan," jelas Awang Othman.

Sesuai dengan kehendak Rancangan Kemajuan Negara Kelima yang bertujuan untuk memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi dan pembangunan negara di samping ianya dihasratkan untuk meningkatkan lagi taraf kesempurnaan bagi kehidupan rakyat dan penduduk negara kita, maka Daerah Temburong juga tidak ketinggalan


Liputan Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar
Gambar-gambar Hj. Sharbini Taha



WAKIL peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolikah memeriksa perbarisan yang terdiri dari Battalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolikah selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung ziarah oleh rakyat dan penduduk Daerah Temburong ketika berangkat pulang.



diberi perhatian berat oleh Kerajaan Baginda.

Menurut Awang Othman antara projek-projek yang diunkayahkan termasuklah pembinaan kedai bumiputera, bangunan kemudahan sukan di Kampong Batu Apoi dan kawasan perusahaan untuk usahawan-usahawan tempatan yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, di samping terdapatnya projek-projek yang sedang berjalan pada ketika ini.

Di Istiadat Mengadap sempena sambutan puja usia ke-41 tahun Baginda di daerah itu, Pegawai Daerah Temburong bagi mewakili pegawai dan kakitangan Kerajaan, rakyat dan penduduk daerah tersebut, telah menyembahkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan Majlis Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolikah dan Kerajaan Baginda dan akan terus-menerus menumpukan sepenuh tenaga pada membantu serta memelihara perpaduan bagi menjamin keamanan dan ketenteraman Negara Brunei Darussalam.

PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Othman bin Awang Damit menyampaikan sembah kesyukuran (atas).


SEBAHAGIAN daripada jemputan yang hadir di Istiadat Mengadap yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan pada pagi hari itu (bawah).



Perarakan bercucuk, kereta berhias dan tanglung jalan kaki



"PANGALU" begitulah tajuk kereta berhias persembahan daripada Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan yang turut berarak dalam perarakan pada malam itu.



Oleh: Zubaidah Haji Salat
Gambar-gambar Hj. Sharbini
Taha, Pg. Bahar PHO

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perarakan perarakan bercucuk, kereta berhias, tanglung berjalan kaki dan pakaian anekaragam bersempena dengan sambutan perayaan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-41 tahun telah berlangsung di ibu negara pada malam 18 Julai lepas.

Berangkat bagi menyaksikan perarakan tersebut ialah putera sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan kerabat-kerabat Diraja yang lain serta Menteri-menteri Kabinet.

Sebagaimana pada tahun lepas, pada tahun ini juga perarakan lebih banyak menekankan corak-corak persembahan yang mencerminkan ciri-ciri Kebudayaan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah; putera sulung Kebawah Duli Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Mulia Anak Abd. Qawi berangkat menyaksikan perarakan bercucuk, kereta berhias dan tanglung berjalan kaki.

Melayu Negara Brunei Darussalam.

Lebih 6,000 orang peserta telah menyertai perarakan tanglung berjalan kaki yang mewakili 66 buah pasukan yang terdiri dari institusi-institusi pengajian tinggi, maktab-maktab dan sekolah-sekolah menengah, persatuan-persatuan belia, badan-badan kebajikan, kampung-kampung, jabatan-jabatan kerajaan dan firma-firma swasta.

Perarakan pada malam itu telah didahului oleh Pasukan Serunai dan Tambur

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Batalion Kedua Tutong Kem, dan diikuti kemudiannya persembahan pakaian anekaragam dan persembahan orang-orang cacat dari Rumah Sakit RIPAS yang sama-sama beribu orang peserta yang lain mengelilingi ibu kota yang bermula dari Padang Ong Sum Ping dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Sebanyak 12 buah kereta berhias berarak dengan berbagai bentuk telah dipersembahkan oleh jabatan-jabatan

kerajaan. Jabatan membawakan kereta dengan tajuk 'Gajuan', Jabatan dengan 'Pondok', Jabatan Penerbang dengan tajuk 'Helikopter', Jabatan Muzium Brunei dengan 'Kik' dan lain-lain lagi.

Persembahan anekaragam yang banyaknya disebu belia belasan tahun malam tersebut mempersembahkan seperti majlis tanda (berian), pakaian dari Mekah, orang-orang purb bunga, hulubalang Istana, Commando Comba bagai corak pakaian yang dipersembahkan buah pasukan anekaragam.

Sementara itu pancaragam Polisi Brunei juga telah persembahkan di padang di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin berhadapan dengan Diraja.

Datin Rafeah Bnyany yang tidak telah didatangkan Malaysia juga turut menghiburkan orang malam tersebut dengan lagu-lagu. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Anak Abdul Qawi berangkat menyaksikan perarakan.



PASUKAN Jabatan Bomba juga tidak ketinggalan bagi menyertai lagi perarakan tanglung berjalan kaki pada tahun ini. Gambar atas kelihatan sebahagian daripada ahli bomba wanita berbaris sambil membawa tanglung.

GAMBAR atas kiri memperlihatkan kepala perarakan bagi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei.

GAMBAR kiri dan kanan kelihatan dua buah pasukan yang menyertai perarakan tanglung berjalan kaki berjalan dengan riang sambil membawa rekaan tanglung masing-masing.



KESEMUA JEMAAH HAJI KITA KINI BERADA DI MEKAH

Har-gambar oleh Pg. Abu
PHO, Pg. Haji Yaakub dan
bahar PHO.

SEMUA jemaah haji kita
g berjumlah lebih
ada 3,000 orang telah
nat berlepas dan kini
da di tanah suci Mekah
k menunaikan fardu haji.
da tahun ini, Kebawah
Yang Maha Mulia
ka Seri Baginda Sultan
anal Bolkiah Mu'izzaddin
daulah, Sultan dan Yang
ertuan Negara Brunei
ussalam juga telah
ngkat menunaikan fardu

ga berangkat ke tanah
Mekah ialah Duli Yang
mat Mulia Paduka Seri
giran Perdana Wazir
ul Himmah Wal-Waqar
iran Muda Mohamed
ah, Menteri Hal Ehwal
Negeri dan Duli Yang
mat Mulia Paduka Seri
giran Digadong Sahibul
Pengiran Muda Jefri
ah, Menteri Kewangan
Yang Teramat Mulia
giran Anak Isteri
iran Anak Zariah dan
Teramat Mulia Paduka
Pengiran Anak Puteri
ia.

ga menunaikan fardu ha-
Mekah tahun ini ter-
klah tiga orang Menteri
net yang terdiri dari
Berhormat Pehin Orang
Laila Wijaya Dato Seri
Haji Awang Abd. Aziz,
eri Perhubungan, Yang
ormat Pehin Jawatan
Pekerna Raja Dato Seri
ka-Haji Awang Hussien,
eri Kebudayaan, Belia
Sukan dan Yang Berhor-
Pengiran Dato Seri Laila
Dr Ismail, Menteri Pem-
unan, Yang Mulia Dato
Laila Jasa Awang Haji
ad, Timbalan Menteri
aran, Timbalan Menteri
ahanan, Yang Amat
a Pengiran Sanggamara
a Mejar Jeneral Pengiran
Ibnu serta Awang Haji
Bakar Haji Apang,
usaha Tetap Jabatan



YANG Amat Mulia Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman telah berangkat menunaikan fardu haji ke Mekah seperti kelihatan dalam gambar kanan. Juga kelihatan dalam gambar ialah **Yang Amat Mulia Pengiran Pekerna Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Mohd. Ali** (duduk di belakang).




SUASANA seperti kelihatan dalam gambar atas sering terjadi di mana para jemaah haji sebelum meninggalkan rumah terlebih dahulu bersalam-salaman dengan sanak-saudara.



BAGI memastikan tidak ada barang-barang yang dilarang dibawa ke dalam kapal terbang sewaktu penerbangan, beg-beg para jemaah haji kita terlebih dahulu diperiksa oleh anggota-anggota polis yang bertugas seperti kelihatan dalam gambar bawah.



SEBAHAGIAN daripada jemaah-jemaah haji memasuki ruang perpisahan sejeurus sebelum berangkat meninggalkan negara ini.



Perdana Menteri dan **Awang Haji Abbas**, Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang.

Jemaah jemaah haji kita di-jangka akan pulang ke tanahair pada pertengahan bulan Ogos depan.

ATAN orang ramai yang menghantar pemergian jemaah haji kita di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas (atas). Sementara gambar kanan para menjalani pemeriksaan Imigresen.

rtb Intisari minggu ini

PERANAN yang dimainkan oleh Perkhidmatan Radio Brunei sejak dulu lagi bukanlah kecil ortnya dalam memberikan maklumat-maklumat dan pengetahuan bagi faedah seluruh masyarakat Brunei khususnya. Ini amatlah bersesuaian dengan fungsinya sebagai media sebaran am kerajaan yang memberi khidmat berkebakikan dengan dasar-dasar kerajaan bagi kepentingan dalam memenuhi selera serta kehendak rakyat dan penduduk di negara kita ini.

Dengan perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh negara kita sekarang, peranan dan tanggungjawab Perkhidmatan Radio Brunei semakin luas dan mencabar. Tidak dinafikan ia juga memerlukan pengorbanan dan tenaga yang bukan sedikit.

Tanggapan kita terhadap peranan radio sekarang ini pun sudah berubah. Ia bukan lagi merupakan hanya semata-mata penyalur hiburan dan bukan hanya merupakan tukang 'buka mulut' atau cakap-cakap, meleter tanpa tujuan yang mutlak,

Radio Minggu Ini:

PERANAN PERKHIDMATAN RADIO BRUNEI

tetapi perkhidmatan radio adalah sangat penting sebagai perantaraan bagi melaksanakan usaha kerajaan untuk memupuk perkembangan agama, bahasa, kebudayaan dan yang bersabit dengan perkembangan Negara Brunei Darussalam yang melambangkan identiti negara kita di rantau ini.

Sehubungan dengan itu Perkhidmatan Radio Brunei juga sentiasa memberikan perkara-perkara bermanfaat kepada masyarakat di negara ini bagi meningkatkan pengetahuan dan juga nilai-nilai kemanusiaan dari

berbagai aspek kehidupan. Rancangan-rancangan yang diterbitkan melalui Perkhidmatan Radio umpamanya Sains dan Teknologi, Kebudayaan, Keagamaan, Ekonomi, Hal-Ehwal Semasa dan sebagainya diserapkan dalam kehidupan masyarakat kita hari ini.

Jika kita mengikuti rancangan-rancangan yang disalurkan melalui Perkhidmatan Radio Brunei, tentu kita akan dapat merasakan betapa perkhidmatannya banyak menyuarakan perkembangan dan kemajuan yang disebarkan tadi, di samping

memberikan hiburan sesuai dengan peranannya sebagai sebuah media kerajaan. Justeru itu, kita harus mengerti bahawa Perkhidmatan Radio Brunei adalah mewakili kerajaan atau dengan kata lain, setiap rancangan-rancangan radio yang diterbitkan adalah membawa martabat dan mutu yang bersesuaian dengan negara kita.

Bertolak dari itu, Perkhidmatan Radio Brunei terus memainkan peranannya bagi memberi maklumat dan pengetahuan melalui rancangan-rancangan yang tertentu agar masyarakat di negara ini akan faham dengan kedudukan sebenar sama ada tentang pelaksanaan atau perkembangan baru yang dibuat oleh kerajaan. Di sinilah radio berkomunikasi seolah-olah berhadapan dengan masyarakat sebagai pendekatan kerajaan kepada rakyat dan penduduk di negara ini, sekaligus menghubungkan perpaduan erat antara kerajaan dengan rakyat dan penduduk negara ini.

Sebagai sebuah media yang memberi khidmat berkebakikan, Perkhidmatan Radio Brunei juga tidak 'pangling mata' atau tidak memperdulikan akan kegiatan-kegiatan rakyat dan penduduk negara ini yang sama-sama mendukung usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan, malah perkhidmatan radio sentiasa mengambil perhatian dan memberi peluang yang luas dengan cara menyebarkan kegiatan-kegiatan itu melalui rancangan-rancangannya.

Tanpa diragui lagi, perkhidmatan radio juga berperanan sebagai penggalak dan pendorong kepada rakyat dan penduduk negara ini untuk berusaha dalam kegiatan-kegiatan yang mendatangkan manfaat. Umpamanya kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh persatuan-per-

satuan belia, perkembangan di kampung-kampung dan sebagainya adalah menjadi bahan-bahan yang berguna untuk dimuatkan dalam rancangan-rancangan tertentu.

Jelaslah kepada kita bahawa Perkhidmatan Radio Brunei adalah merupakan media sebaran am bagi kerajaan untuk rakyat dan juga mencakupi dalam segenap bidang sesuai dengan hasratnya untuk mempelbagaikan lagi persembahannya tanpa melampaui batas-batas dan lunas-lunas tertentu yang telah pun ditetapkan.



Sudut Remaja

PENYANYI remaja yang akan mengisikan Sudut Remaja Minggu Ini ialah Marhana Haji Abdullah.

Marhana yang bersuar lantang sebelum ini pernah berjaya memasuki peringkat separuh akhir Talentime '86. Marhana akan bersama awda pada hari Isnin 3 Ogos jam 4.0 petang.

Sandiwara Radio:

"WASIAT"

PENULIS Ruzana Tamam, mengemukakan sebuah skrip kisah masyarakat yang berjudul "WASIAT" untuk siaran Sandiwara Radio Minggu Ini.

Sandiwara yang diolah dengan adegan-adegan sedih dan menarik ini mungkin akan meninggalkan kesan kepada pendengar yang menghayatinya.

Watak Suzyana amat merasa serba salah bila saja menerima wasiat dari kakaknya agar ia menggantikan tempatnya menjadi isteri kepada Yazid dan ibu kepada satu-satunya anak mereka. Sedangkan di sudut hatinya sudah menempatkan seorang jejaka bernama Khalid, rakan seperjuangannya di universiti.

Suzyana bersama abang iparnya pula telah sama-sama mengakui sanggup memenuhi kehendak kakak Suzyana itu, walaupun dengan perasaan yang begitu berat. Sejak peng-

akuan itu pula, Suzyana tidak pernah merasai teramat, begitu juga dengan Yazid. Sesungguhnya kikat itu amat sukar untuk mereka terima.

Suzyana hanya menghadapi dengan cermat mengelakkan diri dari Yazid dan juga Khalid. Ia cuba untuk menyembunyikan apa yang sebenar dirasainya. Walau bagaimanapun cara Khalid untuk mengetahui punca sebenar perubahan Suzyana tetap gagal untuk merapatkan jawabannya.

Di akhir cerita ini Khalid tahu juga apa yang sebenarnya menjadi punca perubahan sikap Suzyana. Dari siapakah Khalid mengetahuinya? Apakah di antara mereka yang menjadi pilihan ikutilah kisah ini nanti melalui siarannya pada Ogos, 1987 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Haji Abdullah Haji Awang Damit.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 22 Julai, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN — 2085

- Makanan Ayam (Telur) 1 kilogram 90 sen/1 kati 55 sen.
 - Chop Chin Seng No. 107 Jalan Pemanca.
- Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.60.
 - Kedai Kim Seng Choon 6 Jalan McArthur.
- Lada Botol—Wah Hong (S'pore) sebotol 85 sen.
 - Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.

TUTONG — 5082.

- Makanan Ayam (Telur) 1 kilogram \$1.00 /1 kati 60 sen.
 - Soon Lee Mini Mart 1 Jalan Enche Awang.
- Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.80.
 - Soon Lee Mini Mart 1 Jalan Enche Awang.
- Lada Botol—Wah Hong (S'pore) sebotol 80 sen.
 - Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.

SERIA — 5082

- Makanan Ayam (Telur) 1 kilogram 90 sen/1 kati 65 sen.
 - Kedai Poh Shing No. 6, Jalan Sultan Omarali.
- Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.70.
 - Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
- Lada Botol—Wah Hong (S'pore) sebotol 75 sen.
 - Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.

KUALA BELAIT — 6083

- Makanan Ayam (Telur) 1 kilogram 80 sen/1 kati 50 sen.
 - Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.
- Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.60.
 - Kedai Teo Hiang Hng No. 45 Jalan Pretty.
- Lada Botol—Wah Hong (S'pore) sebotol 75 sen.
 - Kedai Teo Hiang Hng No. 45, Jalan Pretty.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Limau Manis	29.7.1987	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Pengkalang Batu	29.7.1987	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Masin	29.7.1987	Rabu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Kupang	29.7.1987	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Pantai Berakas	30.7.1987	Khamis	9.00-10.00 pagi
Letak Kereta di Kawasan NAAFI Berakas Garrison	30.7.1987	Khamis	10.05-11.05 "
Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut	30.7.1987	Khamis	9.45-10.45 "



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah menyaksikan sebahagian daripada jenis masak-masakan yang dipamerkan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam ketika berangkat menghadiri majlis pembukaan rasmi Pameran Urusan Rumah tangga.

DYMM Raja Isteri rasmikan Pameran Urusan R-tangga

Oleh Zubaidah HS
Gambar oleh Harun Rashid

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan berangkat bercemarduli merasmikan Pameran Urusan Rumah tangga sempena perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-41 tahun.

Pameran tersebut telah dilangsungkan di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini pada hari Jumaat, 24 Julai yang lepas.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pengerusi Persatuan Pertiwi Brunei Darussalam, Datin Paduka Hajjah Zahrah binti Haji Idris dan Pengerusi Pameran Urusan Rumah tangga tahun ini, Dayang Hj. Zainab binti Haji Zainal Abidin serta Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Persatuan Pertiwi.

Di majlis pada pagi itu bermula dengan sembah ucapan alu-aluan yang telah disampaikan oleh Pengerusi Pameran, Dayang Hajjah Zainab. Menurutnya, pameran tahun ini telah disertai oleh Persatuan Pertiwi dari seluruh daerah, iaitu Daerah Belait, Temburong dan Tutong.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha juga telah berkenan bertitah sejurus sebelum merasmikan pameran tersebut.

Persatuan Pertiwi Daerah Brunei dan Muara, Kuala Belait dan Tutong di majlis tersebut juga telah menyebarkan cenderamata ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Hadir sama ialah isteri menteri-menteri kabinet, isteri duta-duta asing ke Negara Brunei Darussalam, isteri pegawai-pegawai kanan kerajaan serta ahli-ahli Persatuan Pertiwi dari seluruh daerah.

Pameran pada tahun ini telah dibahagikan kepada sembilan bahagian yang mana juga telah dipertandingkan kepada peserta-peserta yang menyertai. Di antaranya ialah bahagian masakan lauk-pauk, kuih-muih, bahagian acar, pabri, bahagian gubahan buah-buahan, bahagian gubahan bunga-bunga hidup, bunga rekaan, bunga untuk pengantin dan lain-lain lagi.

Di akhir majlis perasmian itu doa selamat telah dibacakan oleh Dayang Salmiah binti Mohd. Yusof.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berkenan menerima cenderamata.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah dijunjung dan dialu-alukan oleh jawatankuasa tertinggi Persatuan PERTIWI Brunei (atas). Sementara gambar bawah kelihatan Baginda menyaksikan sebahagian daripada gubahan bunga-bunga.



PERADUAN KANAK-KANAK SIHAT DAN P'TUNJUKAN BUNGA

Oleh Aisah Piee dan Zubaidah HS

Gambar-gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga telah berkenan berangkat bagi menyampaikan hadiah kepada para pemenang Peraduan Kanak-Kanak Sihat yang dilangsungkan pada hari Jumaat, 17 Julai lepas di Dewan Muhibah, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Hampir 300 orang kanak-kanak damit di Daerah Brunei-Muara menyertai peraduan tersebut. Peraduan dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu Bahagian A bagi yang berumur enam hingga 12 bulan, Bahagian B bagi yang berumur dari 12 hingga 18 bulan, Bahagian C bagi yang berumur 18 hingga 24 bulan, Bahagian D bagi anak-anak kembar dan Bahagian E bagi kanak-kanak yang lahir pada 15 Julai tahun lepas.

Pengerusi Peraduan,

Dayang Mariam binti Abdullah berkata, penyertaan yang menggalakkan dari kaum ibu menunjukkan adanya kesedaran mereka terhadap kesihatan kanak-kanak menurut rawatan perubatan moden, sesuai dengan zaman sains dan teknologi.

"Dengan adanya sikap yang demikian, dapatlah kita mengharap agar Negara Brunei Darussalam mempunyai rakyat yang sentiasa sihat afiat sebagai generasi akan datang," tegasnya.

Beliau berkata, dari segi perkhidmatan kesihatan, kita patut berbangga kerana sekurang-kurangnya 90

peratus daripada kanak-kanak di bawah umur lima tahun telah menerima suntikan yang diperlukan bagi mencegah penyakit kanak-kanak.

Ini juga, menurutnya, hasil dari penglibatan para ibu dalam penjagaan kesihatan anak-anak, yang diharapkan akan sentiasa berterusan untuk mencapai matlamat kesihatan untuk semua menjelang tahun 2000.

Johan bahagian A ialah Siti Noor Fairuz binti Abd. Rahman, kedua, Dk. Kamaliah Hafilah binti Pg. Saiful Rijal dan ketiga, Nurul Huda Baiduri binti Awang Shari.

Memenangi tempat pertama bahagian B ialah Mohd. Dinie Zuhari bin Hasrin, kedua, Siti Farah binti Awang Adnan dan ketiga, Adi Shairazi bin Mohd. Yusof.

Bahagian C, tempat pertama dimenangi oleh Siti Nur Afaziah Mohin, kedua, Dk. Hafizah Durratul'ain Pg. Haji Ali, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Mohd. Aqilah bin Masri.


Dalam bahagian anak-anak kembar, pertama ialah Nur Khalisah Ahmad dan Nur Khadijah Ahmad, kedua ialah Mohd. Zainal Abidin Hj. Junaidi dan Mohd. Zahiruddin Hj. Junaidi, sementara tempat ketiga dimenangi oleh Noramalina Telih dan Noramalini Telih.

Peraduan Kanak-Kanak Sihat dianjurkan oleh Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-41 tahun bagi Daerah Brunei-Muara dan dikelolakan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Brunei cawangan daerah tersebut.

Berangkat sama hari itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Sementara itu, pada 19 Julai lalu, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga telah berkenan berangkat bagi merasmikan Pertunjukan Bunga-Bunga Hidup yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Berangkat bersama Duli Yang Teramat Mulia di kedua-dua majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.



Hajjah Mariam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Umi Kalthum Al-Islam, semasa doa selamat dibacakan di akhir Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan kerabat-kerabat Diraja ketika berangkat menyaksikan Pameran Bunga-bunga Orkid.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam menyampaikan hadiah penyertaan bunga-bunga terbanyak kepada Dayang Resnani binti Ibrahim (gambar atas kiri). Johan Bahagian A, Peraduan Kanak-kanak Sihat, Siti Noor Fairuz binti Abdul Rahman bersama ibunya bergambar bersama hadiah kemenangannya (gambar kiri), sementara gambar kanan ialah antara jemputan khas dan ibu-ibu yang hadir di majlis tersebut.



RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV

MINGGU INI

HARI RABU 29 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FLINTSTONE KIDS
- 5.00 EUREKA: "I Have Found It"
- 5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Family Reunion"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 MY SISTER SAM: "Fogbound" (Siri baru)

Semasa menunggu kabus tipis di lapangan terbang untuk menghantar kakaknya, Patti untuk kembali ke Oregon, Sam menyorot kembali hari pertama Patti tiba untuk tinggal bersama-sama dan berjaya menukar corak kehidupannya.

- 6.20 SURVIVAL: "Moving Day For The Pumphouse Gang"
- Kumpulan pumthouse sebenarnya adalah sekumpulan baboon yang paling terkenal di Afrika. Dan dalam rancangan kali ini bagaimana seorang Profesor muda Amerika menjalankan kajiannya tentang perangai dan tingkah laku binatang tersebut.
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.42 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.52 SURVIVAL — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 SMALL WONDER: "Neighbourhood Watch"
- 7.45 L. A. LAW: "The Princess And The Wiener King"
- 7.51 AZAN ISYAK
- 7.56 L. A. LAW — sambungan
- 8.40 FILLER
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT PELITA
- 9.30 LIPUTAN NASIONAL
- 10.00 BIMBINGAN ISLAM
- 10.10 THE COLBY'S: "The Match-maker"
- 11.00 ROTHMAN'S SNOOKER 1986
- 12.00 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 30 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 HEATHCLIFF
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 ONCE UPON A TIME: "The Two Tortoises" (ulangan) — Episod akhir
- 6.05 1, 2, 3 GO
- 6.15 KISSYFUR
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.42 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.52 KISSYFUR — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 WEBSTER: "Seeing It Through"
- Webster melakukan tugas membawa anjing bersiar-siar dengan begitu baik dan kluatir kerananya ada orang lain jadi pengganggu.
- 7.45 MIAMI VICE: "Junk Love"
- 7.50 AZAN ISYAK

- 7.55 MIAMI VICE — sambungan
- 8.40 ECONOMIC MADE EASY
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 HIDAYAT
- 9.55 BIMBINGAN ISLAM
- 10.05 DUNIA MINGGU INI
- 10.35 MAGNUM: "Little Girl Lost"
- Magnum mesti menolong membebaskan bekas isterinya, Michelle dan anak perempuannya sebelum mereka dibunuh.
- 11.25 TAYANGAN GAMBAR: "Generation"
- 1.00 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 31 JULAI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 CERAMAH UGAMA
- 12.25 HIDAYAT (ulangan)
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.49 HIDAYAT — sambungan

PETANG

- 1.00 THE REAL GHOSTBUSTERS: "Bogey Man Cometh"
- 1.25 RACCOON: "Evergreen Grand Prix"
- 1.55 ARENA SUKAN
- 2.55 MASK: "The Dinosaur Boy"
- 3.25 AL-KISAH: "Musang Dengan Bangau" (ulangan)
- 3.40 LIFE WITH LUCY: "Mother Of The Bride"
- 3.49 AZAN ASAR
- 3.54 LIFE WITH LUCY — sambungan
- 4.10 WIMBLEDON: Men's Double
- 5.10 Q. E. D.: "The Fifty Years Of Radar, Long Watch"
- 5.35 FARRINGTON OF THE FO (Episod terakhir)
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 FARRINGTON OF THE FO — sambungan
- 6.05 WHY AND WHEREFORES: "Why Do Folds Make The Earth Interesting" (Siri brau)
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.42 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.52 WHY AND WHEREFORES — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 LIFE'S MOST EMBARRASSING MOMENTS
- 7.50 AZAN ISYAK
- 7.55 LIFE'S MOST EMBARRASSING MOMENTS — sambungan
- 8.10 HOT PURSUIT: "Twilight Home" (Episod akhir)
- Jim dan Kate menemui sekumpulan penduduk bandar yang tertua, salah seorang daripada mereka mempercayai bahawa Jim telah dirasuki oleh roh bekas suaminya. Orang-orang tua juga membantu rumah persaraan mereka dengan cara mengendalikannya perkhidmatan pertaruhan dan apabila Jim dan Kate memasuki tempat tersebut, ahli-ahli judi profesional cuba hendak menutup kedai mereka dan hendak menghapuskan pertaruhan ini.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 BIMBINGAN ISLAM
- 10.05 TOO CLOSE FOR COMFORTS: "Freddie Loves It, We Love It....."
- 10.30 KNOTS LANDING: "His Brother's Keeper"
- 11.30 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 1 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 360 DEGREES: "Iceland"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 ALF: "It's Not Easy Bein' Green"
- Brain dikehendaki menghafal sebuah sajak dan diejek oleh rakan-rakannya apabila ia tidak dapat mengingat bahagiannya. Brain mahu menarik diri dari persembahan itu tetapi Alf memberinya azimat untuk menambah keyakinannya.
- 6.20 TELEBUS
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.42 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.52 TELEBUG — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THREE'S COMPANY: "Hearing Is Beliving"
- 7.45 THE WIZARD: "The Aztec Dagger"
- 7.50 AZAN ISYAK
- 7.55 THE WIZARD — sambungan
- 8.45 FILLER
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 BIMBINGAN ISLAM
- 9.40 CHARITY SHIELD 1987 — (Live From Wembley Stadium)
- 11.45 ENTERTAINMENT THIS WEEK
- 12.45 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 2 OGOS

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 MUSICAL: "Paul Young In Concert"
- 12.29 AZAN ZUHUR
- 12.34 MUSICAL — sambungan
- PETANG
- 1.05 REAL PEOPLE
- 1.55 TAYANGAN GAMBAR: "Right Stuff"
- 3.25 SMURFS
- 3.48 AZAN ASAR
- 3.53 SILVERHAWKS: "The Milk Run"
- 4.20 AMERICA CUP
- 4.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 CENTURIONS
- 6.15 GROWING PAINS: "Slice Of Life"
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.42 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.52 GROWING PAINS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 ALIAS SMITH AND JONES (Siri baru)
- 7.50 AZAN ISYAK
- 7.55 MATLOCK: "The Seduction"
- Seorang bintang bola rugby yang kian pudar dituduh membunuh teman wanitanya, pemilik pasukan tersebut, dan mengambil Matlock untuk membelanya dalam kes yang sensasi itu.
- 8.45 FILLER
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 BIMBINGAN ISLAM
- 9.35 6TH ASEAN FESTIVAL OF

- PERFORMING ARTS 1987
- "Country Night Persembahan Brunei Darussalam"
- 10.25 THE FIFTH MISSILES
- 11.15 MURDER OF A MODERN MAN: "A Massive Stroke"
- 12.15 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 3 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ALPHABET GAMES/BITS PIECES
- 4.55 JOHNNY QUEST: "Viktor"
- 5.20 THE WORLD ABOUT US: "Turn Of The Year"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 WORLD ABOUT US — sambungan
- 6.15 EDISON TWINS: "Video Vengeance"
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.42 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.52 EDISON TWINS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 WHO'S THE BOSS?
- 7.45 HEART OF THE CITY: "When Push Comes To Shove"
- Kevin dituduh mencuri tetapi kerana kejadian itu tidak alpa.
- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.54 HEART OF THE CITY — sambungan
- 8.40 FILLER
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 BIMBINGAN ISLAM
- 10.05 SUPERSTAR OF WRESTLING
- 11.00 TAYANGAN GAMBAR INI: "News At Eleven"
- 12.40 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 4 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 LETS READ WITH BASIL
- 4.55 SQUARE ONE
- 5.20 PUNKY BREWSTER: "Punk Snow White And The Seven Dwarfs"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 TUNAS BIMBINGAN (Episod akhir)
- 6.15 TRAVELLERS BY NIGHT
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.41 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.51 TRAVELLERS BY NIGHT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 JUST GOOD FRIENDS
- 7.45 CODENAME: FOXFIRE: "Episod Pengenal" Bag II
- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.51 CODENAME: FOXFIRE — sambungan
- 8.35 FILLER
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 BELIA
- 9.45 BIMBINGAN ISLAM
- 9.55 NORTH AND SOUTH
- 10.45 AMERICA CUP
- 11.20 SIARAN TAMAT.



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGAMBILAN BAKAL-BAKAL PEGAWAI LELAKI BERAKHIR PADA 10 OKTOBER 1987

Ceburilah Kerjaya Tentera Sebagai Pemimpin



SYARATNYA

Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Awang-Awang mestilah lulus 4 (empat) mata pelajaran peringkat 'O' dan mestilah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, mata pelajaran Sains dan Fizik atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.

Perumur 17½ tahun hingga 25 tahun pada 10 Oktober 1987 dan mestilah masih bujang.

Derat badan tidak kurang 47.25 kg atau 105 lb, tinggi tidak kurang dari 1.54 meter atau 5 kaki 1 inci dan berbadan sihat.

Awang-Awang mestilah terdiri dari salah satu puak seperti berikut: —

- | | |
|-------------|-----------|
| a. Brunei | e. Dusun |
1. TAWARAN-tawaran untuk membekalkan bahan-bahan permaikan bagi Rumah-rumah Sakit Bahagian Basah, Kering dan lain-lain (bagi jangka masa 22/23 bulan) akan diterima daripada syarikat-syarikat/pemborong-pemborong oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam tidak lewat hari Isnin 10 Ogos, 1987 jam 12.00 tengah hari.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Pemohon-pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mestilah bukan terdiri daripada pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan dan tidak bekerja di mana-mana syarikat seperti BSP, Cold Gas (BLNG), RBA dan di firma yang lain.
4. Keterangan-keterangan lanjut serta borang-borang tawaran boleh diperolehi di Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
5. Tawaran-tawaran mestilah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dan dalmatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam serta ditulis dengan terang seperti di bawah ini:

"TAWARAN BAHAN-BAHAN PERMAKINAN DAN LAIN-LAIN UNTUK RUMAH-RUMAH SAKIT BAGI TAHUN 1987/1989"

Di luar sampul surat itu mestilah tidak ada sebarang tanda yang boleh mengenalkan nama pemohon dan setiap tawaran yang ditulis dengan tidak betul dan tidak lengkap akan dikira rosak dan ditolak.

6. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak \$300.00 bagi tiap-tiap satu jenis hendaklah dibayar pada masa mendaftar dan yang itu akan dikembalikan kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya. Jika pemohon-pemohon yang berjaya menolak tawaran, wang cagaran tidak akan dikembalikan.
7. Pemohon-pemohon mestilah mempunyai syarikat-syarikat perniagaan yang berdaftar. Sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama-sama dengan borang tawaran yang telah diisi.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat kepada mana-mana tawaran atau tawaran-tawaran yang paling rendah.

SENARAI JENIS-JENIS TAWARAN:—

1. Rumah Sakit RIPAS, Bandar Seri Begawan — Barangan-barang makan Basah/Kering/Kelas Satu/Bahan-bahan Umum.
2. Rumah Sakit Daerah Tutong — Hidangan Masak.
3. Rumah Sakit Daerah Temburong — Hidangan Masak.

Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik

BIL.: PPL/MTB/242/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF ELECTRICAL ACCESSORIES

Tarikh tutup: 12 Ogos, 1987.

Cagaran: \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/234/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF TWIN CORE FLAT CABLE 2.5MM² (7/0.67MM)

Tarikh tutup: 19 Ogos, 1987.

Cagaran: \$100.00.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/233/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF FESTON BC LAMP HOLDERS

Tarikh tutup: 19 Ogos, 1987.

Cagaran: \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/232/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF 5W AND 15W COLOURED GLS LAMPS

Tarikh tutup: 19 Ogos, 1987.

Cagaran: \$100.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL.: JL/14/1987

Tawaran-tawaran akan diterima dari pembekal-pembekal enjin outboard bagi "MEMBEKAL DAN MEMASANG SATU ENJIN OUTBOARD DI ANTARA 115-150 KUASA KUDA DAN STEERING GEAR UNTUK OUTBOARD PANCAR" kepunyaan Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

2. Penender-penender hendaklah menghadapkan semua butir-butir bagi enjin outboard dan steering gear dan lain-lain alat perkakas dan tambahan-tambahan dan lain-lain lagi.
3. Penender-penender hendaklah menyertakan harga, tempoh pembekalan, tempoh jaminan dan tempoh sah tawaran.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa tertutup dan ditulis dengan jelas pada bahagian atas sebelah kiri dengan "MEMBEKAL DAN MEMASANG SATU ENJIN OUTBOARD DI ANTARA 115-150 KUASA KUDA DAN STEERING GEAR" dan dalmatkan kepada:

(i) Untuk tawaran harga, kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Perhubungan,
Tingkat Satu, Bangunan Sekretariat,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

(ii) Bagi contoh-contoh/katalog-katalog (jika ada) kepada:

Pengarah Laut,
Jabatan Laut,
Kementerian Perhubungan,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

5. Tawaran-tawaran akan diterima dalmat yang berkenaan tidak lewat jam 3.00 petang, 12 Ogos, 1987.
6. Tawaran-tawaran akan diterima di alamat yang berkenaan Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN (RADIO TELEVISYEN BRUNEI)

TENDER NO JPP/09/1987: "PEMBEKALAN PITA-PITA VIDEO" 1-INCH 1/2-INCH U-MATIC DAN VHS KASET"

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Rabu 19 Ogos, 1987 jam 12.00 tengah hari.
2. Tawaran-tawaran diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup ditulis dengan bilangan tawaran (tender ref. No.) sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut hendaklah didapati daripada Bahagian Rancangan-rancangan, Tingkat 2 Bangunan RTB, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada hari dan waktu pejabat sahaja.
5. Penawar-penawar hendaklah menyatakan harga CIF Brunei (udara) termasuk cukai (jika berkenaan).
6. Sebut harga (quotation) hendaklah sah sehingga 30 November, 1987.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

A. VIDEO TAPE 1-INCH

Item	Qty	Description
1.	400	Ampex 196 series 1-inch x 965 M. 66 mins or Sony V-16 series 60 mins High Energy video tape on 9 inch Precision Metal reel in 104 Flame Retardent Shipper 'C' Format.
2.	200	Ampex 196 series 1-inch x 1405 M. 96 mins or Sony V-16 series 90 mins High Energy video tape on 9-inch Precision Metal reel in 104 Flame Retardent Shipper 'C' Format.
3.	40	Ampex 196 series 1-inch x 1844 M. 126 mins High Energy video tape on 11 1/2" Precision Metal reel in Tyvek Laminated Shelf Box 'C' Format.

B. 1/2-INCH HIGH BAND U-MATIC TAPE

Item	Qty	Description
1.	1200	1/2-inch 60 mins High Band Broadcasts U-Matic Tape, equivalent to Sony KCA 60 XBR.
2.	700	1/2-inch 20 mins High Band Broadcasts U-Matic Tape, equivalent to Sony KCS 20 XBR.

C. 1/2-INCH VHS PAL/BECAM CASSETTE

Item	Qty	Description
1.	500	1/2 inch x 60 minutes
2.	1200	1/2 inch x 120 minutes
3.	500	1/2 inch x 180 minutes.

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas 'B' dan Kelas 'C' sahaja untuk:—
PROJEK No. DDWS/GRU/1987/04

CONSTRUCTION OF FENCING AND GATE AROUND COMBAT ENGINEERING SQUADRON (CES) TRAINING GROUND AT PENANJONG GARISON.

CAGARAN TAWARAN: \$100.00 + \$100.00 (LUKISAN).

BIL.: MINDEF/DFP/MTB/61/1987

MEMBEKAL: CHAIR STACKING PLASTIC.

BIL.: MINDEF/DFP/MTB/62/1987

MEMBEKAL: RADIO EQUIPMENT

BIL.: MINDEF/DFP/MTB/63/1987

MEMBEKAL: OMITE VITREOUS ENAMELLED

BIL.: MINDEF/DFP/MTB/64/1987

MEMBEKAL: AIR COMPRESSOR 3.7KW — 3200PSI.

BIL.: MINDEF/DFP/MTB/65/1987

MEMBEKAL: ALATGANTI 40HP JOHNSON.

BIL.: MINDEF/DFP/MTB/66/1987

MEMBEKAL: BOARD MAGNETIC WHITE & BOARD MOVITEX DELUXE

BIL.: MINDEF/DFP/MTB/67/1987

MEMBEKAL: SOFA CHAIR SET

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1.0 Nama projek:

BILANGAN TAWARAN: JKP/09/1987
HOUSING PHASE 1A AT KAMPONG PAN KUALA BELAIT RESETTLEMENT / HOUSING SCHEME.

2.0 Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat didapati dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.

mulai hari Rabu 22 Julai hingga hari Selasa 4 Ogos, 1987.

3.0 Kelayakan pemborong: Kelas "A" yang berdaftar Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (dokumen) + \$150.00 (lukisan).

5.0 Tarikh tutup: Hari Rabu 5 Ogos 1987 jam tengah hari.

6.0 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada:

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Pejabat Setiausaha Tetap (T),
Tingkat Satu,
Bangunan Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

BIL.: MINDEF/DFP/68/1987

MEMBEKAL: TINNERS, PAINT, ACTIVATOR AND EXPOXIDE PRIMER

BIL.: MINDEF/DFP/69/1987

MEMBEKAL: MACHINE FLOORS, HOOPER ROTARY MACHINE.

Syarat-syarat Tawaran:

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan dalam Peti Tawaran kepada Jabatan Kemajuan Perumahan, Bilangan 150, Bolkiah Garison, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam tengah hari, hari Selasa 10 Ogos, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dari Unit Tawaran dan buhangan Jabatan Kemajuan Perumahan, Bolkiah Garison, semasa hari bekerja (Isnin-Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa, hendaklah ditutup rapat dan bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan dengan tajuk tawaran yang mana yang diiklankan. Tarikh tutup tawaran log-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan buhangan, Jabatan Kemajuan Perumahan, Bolkiah Garison, semasa hari bekerja (Isnin-Jumaat).

d. Cagaran tawaran hendaklah adalah \$100.00 bagi tiap-tiap satu tawaran. Cagaran tawaran akan dikembalikan kepada pemembekal yang menang (fide tender) setelah selesai pembekalan yang menang.

Wakil Daerah Brunei-Muara dan Tutong muncul juara



PENGIRAN Tejudin bin Pengiran Md. Salleh, johan pertandingan kuntau bahagian dewasa menerima perisai kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dari Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

AWANG Haji Samsudin bin Haji Ahim, wakil Daerah Tutong telah muncul sebagai johan pertandingan silat bahagian dewasa peringkat negara sempena ulangtahun ke-41 Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Manakala pertandingan kuntau bahagian dewasa pula dijuarai oleh Pengiran Tejudin bin Pengiran Md. Salleh dari Daerah Brunei-Muara.

Naib johan dalam bahagian silat ialah Awang Dua bin Haji Garip, wakil Daerah Belait. Sementara Awang Haji Munaf bin Haji Ibrahim dari Daerah Brunei dan Muara pula memenangi tempat ketiga.

Dalam pertandingan kuntau bahagian dewasa, naib johan disandang oleh Awang Razeni bin Annis dari Daerah Belait dan di tempat ketiga ialah Awang Md. Noor bin Osman dari Daerah Tutong.

Johan di kedua-dua pertandingan telah menerima perisai-perisai kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Buat julung-julung kalinya di tahun ini, pertandingan silat dan kuntau bahagian remaja telah disenaraikan ke dalam aturcara pertandingan yang masing-masing dibahagikan kepada dua bahagian.

Bahagian silat remaja kelas A telah dimenangi oleh Awangku Ali bin Pengiran Apong dari Daerah Tutong. Naib johan Awang Shahmidun Haji Ibrahim dari Daerah Brunei-Muara dan di tempat ketiga ialah Awangku Julaihi bin Pengiran Besar dari Daerah Belait.

Manakala dalam kelas B pula johan disandang oleh Awang Md. Jaafar bin Haji Damit dari Daerah Brunei-Muara, naib johan, Awang Jamil bin Haji Manaf dari Daerah Tutong. Manakala Awang Rahim bin Ramli di tempat ketiga.

Dalam bahagian kuntau remaja kelas A, johan disandang oleh Awang Kamis bin Osman dari Daerah Tutong, naib johan, Awang Suradzin bin Yuju dari Daerah Brunei-Muara dan di tempat ketiga ialah Awang Marzani bin Ramli dari Daerah Belait.

Dalam kelas B pula, johan dimenangi oleh Awang Yusof bin Haji Tengah dari Daerah Brunei-Muara, naib johan Awang Hassan bin Tuah dari Daerah Tutong dan tempat ketiga dimenangi oleh Abang Satria bin Abang Taha dari Daerah Belait.

Hadiah-hadiah di pertandingan yang diadakan di Pusat Belia pada malam Selasa, 20 Julai itu telah disampaikan oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



AWANG Samsudin bin Haji Ahim, johan pertandingan silat bahagian dewasa menerima perisai kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dari Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



DUA peserta pertandingan silat dan kuntau menunjukkan ketangkasan masing-masing. — Gambar oleh Harun Rashid.



Kelolaan Abd. Karim HAB

BELIA & SUKAN

ASTERAWANI anjur Peraduan Bahas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei (ASTERAWANI) akan menganjurkan Peraduan Bahas Ogos depan sempena hari ulangtahun keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-41 tahun.

Peraduan tersebut terbuka kepada sekolah-sekolah menengah atas, institusi pendidikan, universiti, persatuan-persatuan belia, badan-badan

kebahagian, jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta.

Borang penyertaan boleh didapati daripada Setiausaha Peraduan Bahas, Mohd. Husain bin Abu Bakar di Sekolah Inggeris Berakas atau Abd. Hamid Abas, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan atau Awang Isa Shahminan, Kementerian Pelajaran, Berakas.

Borang-borang tersebut hendaklah dikembalikan kepada pihak penganjur tidak lewat pada 30 Julai, 1987.

50 orang sertai Peraduan Bermain Kikik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Bermain Kikik untuk pertama kali telah diadakan di kawasan Sekolah Menengah Awang Semaun, Kampong Sungai Kebun sempena hari keputeraan ke-41 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Lebih 50 orang peserta menyertai peraduan itu yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian kikik khas dan bahagian kikik biasa.

Kikik khas terdiri dari kikik Sar Manja, Kikik Tara-Tara, Kikik Kanak-Kanak dan Kikik Janglang.

Menurut pengerusi peraduan berkenaan, Awang Ahmad bin Haji Abd. Razak, ianya bertujuan bagi menghidupkan semula permainan tradisi itu di samping memeriahkan lagi suasana sambutan hari keputeraan Baginda.

Hadiah pertama bahagian kikik khas dimenangi oleh Awang Salleh bin Timbang, Kg. Setia A, kedua, Awang Yusof bin Daud, Kg. Pandai Beni A dan ketiga, Awang Jamil bin Damit, Kg. Sungai Pandan.

Dalam bahagian kikik biasa pula dimenangi oleh Awang Haji Naim bin Ibrahim, Kg. Sungai Kebun; kedua, Awang Bini bin Hitam, Kg. Pg. Tattudin Hitam dan ketiga, Awang Abdullah bin Haji Sulaman, Kg. Sungai Pandan B.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Dato Paduka Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin, Pegawai Daerah Brunei-Muara.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohammad diperkenalkan kepada peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan Bermain Kikik. — Gambar oleh Ramlee Tengah.



SEBAHAGIAN dari para peserta peraduan bermain kikik menerima penerangan sejeurus sebelum pertandingan dimulakan di kawasan Sekolah Menengah Awang Semaun, Kampong Sungai Kebun. — Gambar oleh Ramlee Tengah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Timbalan Sultan mengurniakan Piala Pengiran Digadong kepada Pengurus Pasukan Indonesia yang keluar sebagai juara.

PASUKAN pekayuh kebangsaan negara kita perlulah meningkatkan mutu dan prestasi mereka di arena lumba perahu jika ingin pencapaian yang lebih di masa-masa yang akan datang.

Jika kita ukur, pencapaian pasukan negara di Perlumbaan Lumba Perahu Jemputan Antarabangsa Piala Pengiran Digadong terdapat sedikit kemerosotan walaupun kita berjaya mempertahankan kedudukan kita sebagai pemenang ketiga.

Kemerosotan yang ketara ialah dalam lumba perahu 10 orang pekayuh kita hanya mampu menduduki tempat yang ketiga sedangkan dalam kejohanan tahun lalu kita berjaya menjadi juara.

Berdasarkan keputusan tersebut satu program latihan yang sistematis dan teratur perlu dijalankan lebih-lebih lagi di masa kita menghadapi Kejohanan Sukan SEA di Jakarta pada bulan September nanti kerana lumba perahu merupakan salah satu acara yang dipertandingkan.

Pencapaian kita seharusnya ditingkatkan, kerana Singapura boleh mencabar kedudukan kita dalam arena tersebut begitu juga dengan Malaysia.

Dalam perlumbaan lumba perahu 22 orang pekayuh kita masih lagi gagal untuk menyaingi kemampuan Singapura dalam bahagian ini sejak tahun lalu. Kita hanya berjaya menduduki tempat keempat.

Walaupun bagaimanapun pujian harus diberikan kepada pekayuh-pekayuh kebangsaan kita kerana berjaya menunjukkan persembahan yang



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

Pekayuh kita perlu tingkat prestasi

cemerlang dan mengekalkan kedudukan tempat ketiga.

Selain perlumbaan Lumba Perahu Jemputan Antarabangsa Perlumbaan Lumba Perahu Kebangsaan termasuk perlumbaan motosangkut juga telah diadakan.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Timbalan Sultan yang juga selaku Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei.



PEMANDANGAN salah satu acara lumba perahu yang diadakan di Sungai Brunei.

Lumba Perahu Piala Pg. Digadong

Gambar Harun Rashid

REPUBLIK Indonesia tidak lagi boleh bermegah di arena lumba perahu walaupun mereka berjaya mempertahankan kejuaraannya. Thailand kini boleh mengugat kedudukan negara tersebut di pertandingan-pertandingan yang akan datang khususnya di Sukan SEA, di Jakarta nanti.

Dalam perlumbaan Lumba Perahu Antarabangsa bagi merebut Piala Pengiran Digadong, kehebatan dan kehandalan pekayuh-pekayuh Indonesia telah dapat ditandingi oleh pekayuh-pekayuh muda dari Thailand.

Republik Indonesia dan Thailand di kejohanan itu masing-masing memungut dua pingat emas dan dua perak. Iaitu satu pencapaian yang sama dan seimbang.

Setelah berakhir tiga perlumbaan, Thailand berjaya mengatasi Indonesia dalam pungutan pingat. Tetapi dalam perlumbaan terakhir iaitu 22 orang pekayuh, Indonesia telah menunjukkan satu persembahan yang cemerlang dan mengagumkan di mana pekayuh-pekayuh negara tersebut telah menunjukkan kehebatan dan kelincihan mereka berkayuh sehingga mereka berjaya meninggalkan Thailand yang menduduki tempat kedua 50 meter di belakang.

Indonesia di kejohanan tersebut menjuarai dalam bahagian lumba perahu 10 orang pekayuh dan 22 orang pekayuh. Dan menjadi naib juara dalam bahagian lumba 14 orang pekayuh dan 18 orang pekayuh.

Dengan kejayaan itu, Indonesia telah mempertahankan kejuaraannya buat

KEHEBATAN INDONESIA DITANDINGI



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali menyampaikan hadiah kepada salah seorang pelumba (atas) dan gambar bawah ketika perlumbaan jemputan antarabangsa dijalankan.



kali ketiga dan seterusnya merebut piala pusingan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda

Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan.

Keputusan penuh Lumba Perahu Jemputan Antarabangsa Piala Pengiran Digadong adalah seperti berikut:

Lumba perahu 10 orang pekayuh: Pertama Indonesia, kedua Thailand dan ketiga Negara Brunei Darussalam.

Lumba perahu 14 orang pekayuh: Juara Thailand, kedua Indonesia dan ketiga Brunei Darussalam.

Lumba perahu 18 orang pekayuh: Pertama Thailand, kedua Indonesia dan ketiga Brunei Darussalam.

Lumba perahu 22 orang pekayuh: Juara ialah Indonesia, kedua Thailand dan ketiga Republik Singapura.

Bertemu Kedah 31 Julai: Pemain kita cuba ulangi kejayaan



BRUNEI Darussalam akan mengulangi kejayaan sekali lagi bila berdepan dengan Kedah di Stadium Negara Hassanah Bolkiah pada 31 Julai depan dalam siri Perlawanan Bolasepak Piala Malaysia.

Kejayaan cemerlang menumpaskan Perak 3-2 memberikan semangat kepada pemain-pemain kita untuk meraih kemenangan bagi menambahkan pungutan mata. Pertemuan dengan Kedah diharap akan dapat

mencatatkan satu lagi kemenangan di gelanggang sendiri.

Ini adalah merupakan perlawanan negara kita yang kesembilan. Setakat ini negara kita telah membuat lapan mata hasil dari dua kali menang dan seri dua kali.

Perlawanan lalu kita berjaya menumpaskan Melaka 3-0, seri dengan Trengganu 1-1 dan Sabah 0-0. Tewas kepada Pahang Darul Makmur, 0-3, Singapura 0-3, Johor 0-5 dan Perlis 0-2.

Gandingan Zamhari Lani, Ishak Haji Yusof dan Ak Momin Pg. Ahmad diharap akan dapat membawa kejayaan yang dicita-citakan itu. Ketiga-tiga pemain ini telah menunjukkan satu kombinasi yang baik dan meyakinkan seperti yang mereka tunjukkan dalam Perlawanan Bolasepak Piala Sultan Hassanah Bolkiah baru-baru ini.

Ak Momin yang diberi tugas sebagai pemain midfield ketika menentang Thailand

dan Malaysia menggantikan Faizal Yusof dalam perlawanan itu mempersembahkan satu corak permainan yang mengagumkan. Beliau sering membuat hantaran-hantaran yang cantik di depan pintu gol lawan.

Selepas menemui Kedah, Brunei Darussalam akan berdepan pula dengan Sarawak pada 5 Ogos jam 8.00 malam dan menentang Piala Pimang pada 10 Ogos. Kedua-dua perlawanan diadakan di gelanggang sendiri.

GOL.... INILAH saat menggembirakan bagi pasukan negara kita dalam pertemuan dengan Perak tempoh hari. Gol ini memberikan kemenangan mutlak 3-2 hasil jaringan Majidy Ghani. — Gambar oleh Fg. Bahar PHO.

Tewas kepada M'sia di perlawanan akhir JUARA BERTAHAN, INDONESIA TERSUNGKUR



Gambar-gambar oleh Pg. Haji Yaakub, Pg. Bahar PHO, Pg. Bakar PHO dan Harun Rashid

JUARA bertahan, Republik Indonesia tersungkur dan terpaksa akur dengan kelincihan pemain-pemain Malaysia yang telah menunjukkan satu mutu permainan yang mempersonakan dalam perlawanan akhir merebut Piala Sultan Hassanah Bolkiah yang berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah malam Isnin lepas.

Malaysia yang diwakili oleh Johor telah membenamkan hasrat Indonesia untuk merebut kejuaraan bagi kali kedua dengan jaringan 4-1.

Tanpa penyerang Dollah Salleh, serangan-serangan Malaysia masih berbisa dan mengucur-kacirkan pertahanan Indonesia terutama sekali kelincihan pemain midfield, Khalid Shahdan.

Dalam minit ke-34 separuh masa pertama Malaysia mendahului dengan 1-0 hasil jaringan Nasir Yusof yang merembat bola dengan kencang dari luar kotak penalti.

Lapan minit kemudian, Malaysia mengukuhkan kedudukan dengan menjaringkan gol kedua di minit ke-42. Gol tersebut menimbulkan konteravasi kerana pemain Indonesia mendakwa bahawa jaringan itu tidak wajar kerana penyerang Salehan Md. Som telah pun offside.

Berikutan dengan itu permainan terpaksa diberhentikan kira-kira empat minit kerana Indonesia membantah keputusan pengadil.

Dalam separuh masa kedua Indonesia bermain dengan baik dan hasilnya mereka berjaya menjaringkan gol tunggal dalam minit ketiga hasil tandukan Saiful Amri yang menewaskan penjaga gol, Salleh Mohd. Noor.

Selepas jaringan itu Indonesia ghairah untuk menyamakan kedudukan tetapi keghairahan itu membawa padah kepada mereka. Salehan Md. Som telah berjaya menjaringkan gol ketiga dalam minit ke-36.

Belum pun reda dengan gol tersebut, Malaysia terus mengasak dan menjaringkan

gol keempat dua minit kemudian hasil jaringan Salehan Md. Som, yang membawa bola secara solo dengan menewaskan penjaga gol Indonesia. Sehingga wisel penamat kedudukan 4-1 dan dengan itu Malaysia keluar sebagai juara baru dalam pertandingan tersebut.

Berikut ialah keputusan penuh Kejohanan Piala Sultan Hassanah Bolkiah:—

Pusingan awal

Malaysia 6, Indonesia 1, Malaysia 2, Filipina 0, Indonesia 2, Filipina 0, Singapura 2, Brunei Darussalam 1, Brunei Darussalam 1, Thailand 1 dan Singapura 3, Thailand 0.

Peringkat separuh akhir — Malaysia 1, Brunei Darussalam 0 dan Indonesia 1, Singapura 0.

Peringkat akhir Malaysia 4, Indonesia 1.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mengurniakan Piala Sultan Hassanah Bolkiah kepada Ketua Pasukan Malaysia (atas) dan mengurniakan hadiah kepada Awang Mohd. Yunus Yusof.



MENDUDUKI TEMPAT KETIGA Pasukan negara tebus kekalahan

SYABAS kepada pasukan kebangsaan kita kerana berjaya mempertahankan tempat ketiga dalam Kejohanan Bolasepak Piala Sultan Hassanah Bolkiah dengan menumpaskan Singapura 2-1.

Kemenangan kita capai itu lebih bererti lagi apabila kita berjaya menebus kekalahan di tangan Singapura bilamana dalam pusingan awal kita tewas 1-2.

Ini ialah tahun kedua berturut-turut kita bertemu Singapura dalam menentukan pemenang ketiga. Tahun lalu kita menumpaskan negara tersebut 2-1.

Hero yang membenamkan impian Singapura untuk menduduki empat ketiga ialah penyerang berbakat Zamhari Lani yang memakai jersi no. 14. Kedua-dua gol tersebut telah dijaringkan oleh beliau dalam minit ketujuh separuh masa pertama ialah melalui sepakan penalti dan minit ketiga separuh masa kedua.

Walaupun kita gagal memasuki peringkat akhir, kemampuan kita di kejohanan tersebut sungguh memberangsangkan dan membanggakan sekali. Kegagalan kita dalam peringkat separuh akhir ketika bertemu Malaysia kerana kurang bernasib baik setelah kita menguasai keseluruhan permainan.

Walaupun tanpa pemain midfield, Faisal Yusof dan Majidy Ghani disebabkan kecederaan, kelakonan dan prestasi yang ditunjukkan oleh pemain-pemain kita sungguh memberangsangkan dan mempersonakan penonton terutama ketika bertemu Malaysia di peringkat separuh akhir.

Pemain Ak. Momin yang menggantikan tempat Faisal di bahagian midfield patut diberi pujian kerana berjaya mengemudikan bahagian tengah dengan berkesan sekali. Keberkesanan beliau ini telah menghasilkan gol penyama ketika bertemu

Thailand yang telah menerapkan impian Thailand ke peringkat separuh akhir.

Pendedahan seperti ini patutlah digalakkan kerana kita tidak hanya menumpukan kepada seorang pemain sahaja tetapi yang sebaik-baiknya memberikan peranan dan peluang kepada pemain di semua posisi.

Kita berharap pencapaian yang menggalakkan dalam kejohanan tersebut akan sentiasa ditingkatkan dan disemai sebagai bekalan kita ketika menghadapi Kejohanan Piala Malaysia yang sedang rancak berjalan.



PERGELUTAN di depan pintu gol Brunei Darussalam dalam peringkat separuh akhir. Pasukan negara tewas 1-0 kepada Malaysia.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah diperkenalkan kepada pemain-pemain Indonesia.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN



TERSELAMAT... Penjaga gol Brunei Darussalam, Yunus Yusof menangkap bola dengan baik dalam perlawanan menentang Thailand. Keputusan 1-1.



GAMBAR-GAMBAR atas merakamkan aksi perlawanan bola sepak Piala Sultan Hassanah Bolkiah. Gambar atas kanan Malaysia lawan Filipina dan atas kiri Filipina bertemu Indonesia.



DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Timbalan Sultan ketika menyerahkan watak perantaraan kepada Tuan Hakim John Barry Mortimer selaku Pesuruhjaya Mahkamah Besar di Istana Nurul Iman. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Pesuruhjaya Mahkamah Besar dilantik

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melantik Tuan Hakim John Barry Mortimer selaku Pesuruhjaya Mahkamah Besar bagi tempoh tiga tahun.

Istiadat mengangkat sumpah kehakiman telah dilakukan di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Timbalan Sultan pada petang Rabu, 20 Julai lepas di Istana Nurul Iman.

Surat lantikan kehakiman dibacakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

Istiadat itu juga dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

Pembetulan

KETERANGAN gambar paling bawah muka surat 3, PELITA BRUNEI keluaran 15 Julai, 1987, hendaklah dibetulkan seperti berikut: "Kelihatan sebahagian dari isteri-isteri pegawai-pegawai yang mengiringi Jeneral Tan Sri Dato Mohammed Ghazali ketika melawat ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan." — Penyunting.

Penanam-penanam bunga tempatan digesa:

PATUHI PERATURAN KAWAL KEMASUKAN TUMBUHAN

BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abdul Aziz bersabda, dalam usaha kita menghidupkan dan memperkembangkan berjenis-jenis penanaman bunga, adalah perlu bagi penanam-penanam bunga tempatan mematuhi setiap peraturan Jabatan Pertanian dalam mengawal kemasukan tumbuhan-tumbuhan di negara ini.

Dengan cara demikian sahaja, sabda Duli Yang Teramat Mulia, kita akan dapat menghindarkan penyakit-penyakit dan musuh-musuh tumbuhan, yang mana akan boleh menjayakan masa depan pertanian di negara kita.

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam bersabda demikian ketika merasmikan Pertunjukan Bunga-bunga Hidup, anjuran Jawatankuasa Perayaan Ulangtahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-41, bertempat di Stadium Negara Hassanul Bolkiah di sini pada hari Ahad, 19 Julai lepas.

Bersempena dengan perayaan tahun ini, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Brunei sekali lagi telah diamanahkan untuk mengendalikan pertunjukan tersebut.

Berangkat sama di perasmian dan pertunjukan bunga-bunga hidup pada hari

tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam. Juga hadir ialah isteri menteri-menteri kabinet, isteri duta-duta asing ke negara ini dan isteri pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Dalam sabdanya, Duli Yang Teramat Mulia juga berharap agar kaum wanita di negara ini bergiat bagi mengembangkan jenis-jenis bahan yang lain terutama sekali warisan daripada datuk nenek kita seperti menyulam, menekat dan anyaman di samping berkecimpung dalam penanaman bunga-bunga hidup.

Seni gubahan tangan tersebut, sabda Duli Yang Teramat Mulia, patut terus dihidupkan dan dikembangkan bersama-sama dengan kegemaran menanam bunga-bunga hidup, supaya dengan yang demikian seni ini tidak akan pupus daripada masyarakat kita.

Terdahulu daripada itu, sembah ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Pertunjukan Bunga-bunga Hidup, Dayang Hajjah Marhani binti Haji Abd. Latif.

Berjenis-jenis bunga hidup telah dipertandingkan di pertunjukan tersebut. Ini termasuklah orkid, bunga jenis daun, jenis kaktus dan

Dlm. memberikan kerjasama kpd. Kerajaan

Dari muka 1

ini, Daerah Tutong telah pun menikmati projek kemajuan yang terbesar iaitu pembinaan lebuh raya pantai yang menghubungkannya dengan Pelabuhan Muara melalui Jerudong.

"Dalam hal ini adalah perlu bagi orang ramai khususnya penduduk di daerah ini memberikan perhatian terhadap keselamatan jalan raya dengan mengamalkan sikap tolak ansur dan mematuhi peraturan-peraturan keselamatan jalan raya," titah Baginda.

Terdahulu dari itu dalam istiadat yang sama bagi Daerah Temburong, pada 20 Julai di Pekan Bangar, Baginda mengingatkan pula rakyat dan penduduk daerah tersebut supaya sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir yang cuba mengancam

keamanan, ketenteraman dan kestabilan yang sedang kita nikmati di samping memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan Baginda.

"Adalah menjadi hasrat Kerajaan Beta untuk memastikan setiap rancangan kemajuan negara akan dinikmati oleh seluruh rakyat dan penduduk di semua daerah," titah Baginda.

Baginda juga difahamkan dan mengetahui berbagai projek pembangunan telah pun siap dan sedang rancak dilaksanakan di daerah tersebut.

Baginda berharap supaya projek-projek itu akan dapat dimanfaatkan oleh penduduk-penduduk dan rakyat Daerah Temburong.

Dalam titah-titah tersebut, Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyatakan terima kasih Baginda kepada rakyat dan penduduk di ketiga-tiga daerah berkenaan kerana telah menyusun berbagai acara perayaan sempena Hari Keputeraan Baginda itu.

"Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan mengurniakan ganjaran yang setimpal kepada mereka," titah Baginda.

Masalah dadah tanggungjawab bersama masyarakat



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika menyampaikan hadiah kepada Johan Bahagian B, Mohd. Dinio Zuhari bin Hasrin.

berbagai-bagai gubahan bunga hidup telah juga dipertandingkan.

Dayang Rosnah binti Haji Ibrahim, telah memenangi hadiah terbaik dalam bahagian orkid. Dayang Rosnani binti Ibrahim memenangi hadiah penyeritaan terbanyak. Sementara bahagian gubah-gubahan bunga terbaik dimenangi oleh Dayang Rubiah binti Osman.

Surat kebenaran

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Orang ramai adalah diingatkan bahawa mengikut Akta Perikanan 1972, setiap pembawaan hasil-hasil perikanan sama ada hidup atau mati mestilah mempunyai Surat Kebenaran yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Syarat ini dikenakan kepada setiap pembawaan keluar negeri termasuk secara penyinggahan (transit) dan termasuk yang dimaksudkan 1972.

bagi kegunaan sendiri.

Surat Kebenaran tersebut boleh dipohonkan dari mana-mana Pejabat Perikanan iaitu di Bandar Seri Begawan, Stesen Perikanan Muara dan Pusat Perikanan Kuala Belait pada waktu-waktu pejabat dibuka.

Adalah menjadi kesalahan jika pembawa-pembawa tidak mematuhi syarat ini dan mereka yang didapati sabit kesalahannya akan didakwa di bawah Akta Perikanan 1972.

Membuang Sampah Merata-rata Mencerminkan Peribadi Yang Hina